



فليتا بروني
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.12 | ASAR 3.33 | MAGHRIB 6.06 | ISYAK 7.20 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 146

4 DISEMBER 2024 / 1446 ٢ جادی الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانيسش ايمان MANISNYA IMAN

"DAN Tuhan kamu berfirman : berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina".
- (Surah Al-Mukmin, ayat 56).

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MELAHIRKAN GENERASI BINTANG BOLA SEPAK MASA DEPAN



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat pada Sidang Media yang diadakan di Dewan The Peak, Berakas.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. - Seramai 83 pemain bola sepak berumur di antara bawah 8 tahun hingga bawah 16 tahun telah dipilih untuk mewakili Akademi Bola Sepak Brazil (Brazilian Football Academy - BFA) pada Kejohanan Bola Sepak Remaja Antarabangsa RSC Dato Chu Ah Nge (RSC Dato Chu Ah Nge International Junior Soccer Tournament) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia dari 6 hingga 8 Disember 2024.

Perkara tersebut telah diumumkan dalam Sidang Media yang diadakan di Dewan The Peak, Berakas, hari ini.

Berangkat ke sesi Sidang Media tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Menurut Ketua Jurulatih BFA, Edu Rodrigues Peixoto, pencapaian luar biasa ini menunjukkan kemahiran yang cemerlang, dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh atlet muda dalam barisan BFA.

>> Muka 3

Perkasakan kepimpinan OKU demi pembangunan lebih lestari, adil

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Penjagaan dan kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (OKU) terus diutamakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Setakat ini, seramai 1,654 orang telah menerima Elaun Penyediaan Penjagaan (EPP) iaitu elaun khas yang dihulurkan kepada penjaga OKU mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Penjagaan ini bukan sahaja diharaskan dapat menampung keperluan khas OKU malah ianya merupakan satu pengiktirafan terhadap kepentingan keselamatan sosial OKU di negara ini.

Perkara tersebut digariskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam perutusan sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2024.

>> Muka 5

Wadah perbincangan menambah baik perkhidmatan ugama

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 3 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menghargai inisiatif-inisiatif oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat

Negara (MMN) untuk turun padang bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan lebih-lebih lagi dengan para penduduk di bawah jagaan masing-masing bertujuan untuk mengenalpasti isu yang dihadapi.

>> Muka 3

SMS Brunei Prihatin bagi DANA 2023-2024 kutip BND197,068.00

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. - Sebanyak BND197,068.00 berjaya dikutip menerusi program SMS Brunei Prihatin bagi DANA 2023-2024 yang bermula dari 16 Disember 2023 hingga 16 September 2024.

Daripada jumlah keseluruhan kutipan, pelanggan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) telah menyumbang sebanyak BND121,038.00 manakala pelanggan Syarikat Progresif Sdn. Bhd. (Progresif) mengutip sebanyak BND62,078.00 dan pelanggan Syarikat Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) pula berhasil mengumpul sebanyak BND2,952.00.

>> Muka 4

Sehubungan itu, Majlis Penerimaan Hasil Kutipan SMS Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim (DANA) Tahun 2023-2024, Pelancaran SMS Brunei Prihatin bagi Tahun 2024-2025, serta Penyampaian Sumbangan Kupon untuk Pembelian Peralatan dan Keperluan Persekolahan Anak-Anak Yatim DANA bagi Tahun 2025 berlangsung petang tadi di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.



Berita Utama



PELUANG OKU penglihatan, pendengaran timba pengalaman lawatan ke BKISHHB

Muka 7



BENGKEL kongsi cara pengurusan jenazah

Muka 11



SENTIASA ambil langkah berwaspada ketika cuaca tidak menentu

Muka 18



RENCANA

BERIKAN semangat, harapan untuk pesakit AIDS

Muka 21

Penglibatan penyumbang penting kepada Agenda Pembangunan

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyaraafil Ambiya Iwal Mursaleen,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Pelancaran Program Saringan Mata Kebangsaan Menggunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) sempena Hari Penglibatan Sedunia 2024. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat, dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Penglibatan adalah di antara penyumbang penting kepada Agenda Pembangunan Mampan 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations 2030 Agenda for Sustainable Development Goals) yang mana Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Penglibatan (the United Nation's Resolution on Vision) telah menyatakan bahawa kesihatan mata adalah kritikal untuk mencapai matlamat pembangunan mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (UN Sustainable Development Goals).

Di peringkat global, satu bilion penduduk dunia mempunyai kehilangan penglihatan

dan tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan mata yang betul. Jumlah ini membuktikan kesihatan mata merupakan masalah kesihatan utama global yang perlu diberikan perhatian sewajarnya, walaupun ianya merupakan isu yang sering kali terlepas pandang dalam senarai keutamaan kesihatan awam.

Setiap tahun, seluruh dunia menyambut Hari Penglibatan Sedunia sebagai satu platform di mana semua pihak yang terlibat dalam bidang penjagaan mata, mengambil kesempatan untuk membarigakan dan berkongsi maklumat tentang kepentingan penjagaan kesihatan mata.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), menurut statistik terkini pada tahun 2020, terdapat kira-kira 23,000 orang hidup dengan masalah penglihatan dan daripada jumlah ini, lebih dari 800 diklasifikasikan sebagai buta. Ini bermakna prevalen kehilangan penglihatan ialah 5.1 peratus dan prevalen buta ialah 0.2 peratus. Antara punca utama masalah penglihatan di NBD ialah katarak, masalah rabun dan *diabetic retinopathy*.

Retinopati diabetik merupakan komplikasi yang lazim terjadi disebabkan oleh penyakit kencing manis di mana paras gula yang tinggi di dalam darah menyebabkan kerosakan kepada retina mata. Penyakit ini menjelaskan lebih kurang satu pertiga daripada penghidap diabetes. Pada ketika ini, dianggarkan 12 hingga 20 peratus daripada penduduk NBD (lebih kurang 50,000) menghidap penyakit diabetes di mana 20 hingga 30 peratus penghidap diabetes terkesan oleh retinopati diabetik.

Bagi pesakit di bawah umur 40 tahun,

terdapat peningkatan kes retinopati diabetik yang baharu didiagnos sejak tahun 2021 hingga tahun 2023. Sebanyak 60 kes pada tahun 2021, 77 kes pada tahun 2022 dan 111 kes pada tahun 2023. Secara keseluruhan, dari tahun 2021 hingga 2023, peratus peningkatan kes retinopati diabetik di bawah umur 40 tahun ialah 85 peratus. Peningkatan ini menunjukkan bahawa diabetik retinopati semakin meningkat di kalangan pesakit yang lebih muda. Dan dalam masa yang sama, peningkatan ini juga menunjukkan keperluan untuk menjalani pemeriksaan awal, mendapatkan pengurusan diabetes yang berkesan dan campur tangan kesihatan awam yang memfokuskan kepada populasi yang lebih muda agar komplikasi diabetes dapat dicegah atau ditangguhkan.

Retinopati diabetik ini boleh dirawat dan dipulihkan (*reversible and treatable blindness*) jika pengesanan dan rawatan awal dibuat. Walau bagaimanapun, kadar liputan program saringan retinopati diabetik bagi mencegah kehilangan penglihatan yang kekal, yang ada pada masa ini di NBD adalah hanya pada kadar 65 peratus, di mana antara penyebabnya ialah ketidakhadiran pesakit untuk ujian saringan berkenaan.

Sejak lima tahun yang lalu, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Oftalmologi telah meneroka dan membuat penyelidikan untuk mengintegrasikan sistem kecerdasan buatan pembelajaran mendalam klinikal (Clinical Deep-Learning AI System) dalam program saringan mata yang ada pada masa ini bagi meningkatkan lagi peluang pemulihan pesakit-pesakit diabetes. Kajian pengesahan klinikal ini menunjukkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Pelancaran Program Saringan Mata Kebangsaan Menggunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) Sempena Hari Penglibatan Sedunia 2024 pada 16 November 2024 yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

bahawa penggunaan perisian kecerdasan buatan (AI software) memberikan hasil yang sangat memberangsangkan dalam pengesanan awal *referable diabetic retinopathy* – iaitu tahap retinopati diabetik yang memerlukan rawatan – di kalangan pesakit di negara ini. Di samping itu, penggunaan sistem AI juga dapat membantu memendekkan waktu pemeriksaan daripada 60 minit kepada lebih kurang lima hingga 10 minit kerana kebanyakan pesakit tidak lagi diperlukan untuk menggunakan ejen farmakologi untuk mendilatasikan mata.

>> Muka 8

SIDANG PENGARANG 4 DISEMBER 2024

Penggunaan skrin berlebihan jejas perkembangan kanak-kanak

JUMLAH kanak-kanak yang dirujuk ke Pusat Perkembangan Kanak-kanak (Child Development Centre – CDC) semakin meningkat setiap tahun, di mana pada tahun 2010, seramai kira-kira 400 orang dirujuk ke pusat tersebut.

Jumlah berkenaan terus melonjak kepada 957 pada tahun 2023, iaitu hampir 1,000 kanak-kanak.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Konsultan (Pediatrik), CDC, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid dalam ucapan alu-aluannya sempena Sambutan Ulang Tahun CDC Ke-25 baru-baru ini.

Dr. Hajah Mawarni turut menjelaskan bahawa sebagai perbandingan, sejak beberapa dekad yang lalu, jumlah kelahiran kanak-kanak setiap tahun telah menurun dan secara purata, ia hanya kira-kira 6,300 setiap tahun dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Jelasnya, di antara semua kanak-kanak yang lahir setiap tahun, kira-kira 1,000 dalam 6,300 atau kira-kira 16 peratus akan memerlukan rujukan ke CDC dan angka berkenaan tidak termasuk kanak-kanak yang dirujuk ke hospital Kuala Belait.

Apa yang membimbangkan ialah 55 peratus daripada 1,000 kanak-kanak atau 550 orang dirujuk disebabkan masalah bercakap atau kelambatan bertutur, yang mana kira-kira 25 peratus telah dirujuk kerana menunjukkan ciri-ciri autisme.

Beliau juga turut menjelaskan bahawa mengamalkan tabiat banyak bercakap, bermain dan membaca buku kepada anak-anak, ibu bapa sebenarnya menggalakkan perkembangan otak mereka dengan cara *serve and return*.

Dr. Hajah Mawarni antara lain menjelaskan cabaran hebat yang dihadapi ramai ibu bapa menyebabkan ramai kanak-kanak pada masa ini kurang berpeluang untuk mendapatkan manfaat daripada dibawa bercakap, bermain dan dibacakan buku adalah disebabkan oleh alat peranti ataupun skrin yang mudah diperoleh dan dicapai semua orang.

Menurutnya, kanak-kanak perlu belajar berkomunikasi secara bukan lisan seperti memahami ekspresi muka, bahasa tubuh badan, gerak isyarat dan sebagainya. Sementara kebolehan berkomunikasi dan bertutur adalah amat penting dan berkait rapat dengan kebolehan berfikir dan pencapaian akademik.

Dalam hal ini, ibu bapa perlu tahu mengenai bahaya penggunaan skrin dalam kalangan kanak-kanak. Penggunaan skrin yang berlebihan dan tidak terkawal bukan saji akan menjelaskan perkembangan kanak-kanak sehingga menjadikan mereka ketagih kepada skrin bahkan kesan negatif mungkin berterusan sehingga dewasa.

Sehubungan itu, Pusat CDC dengan sokongan Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan Garis Panduan Penggunaan Skrin Mengikut Umur di Negara Brunei Darussalam. Menerusi garis panduan tersebut, para ibu bapa dihasratkan akan lebih peka terhadap tanggungjawab mendidik dan memenuhi keperluan anak-anak mereka. Di samping itu, para ibu bapa akan lebih sedar bahawa kebergantungan kanak-kanak kepada penggunaan skrin memberikan kesan negatif dalam kehidupan sehari-hari terutama untuk perkembangan dan kesejahteraan mereka. – Ketua Penyuntingan (Rd)

WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	RABU	2	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.33	6.06	7.20
5	KHAMIS	3	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21
6	JUMAAT	4	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	SABTU	5	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.35	6.07	7.22
8	AHAD	6	4.44	4.54	6.17	6.41	12.13	3.35	6.08	7.22
9	ISNIN	7	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.35	6.08	7.23
10	SELASA	8	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
29 °C	30 °C	32 °C
25 °C	26 °C	25 °C
Pekan Bangar		
29 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	24 °C
°C	°C	°C
Pekan Tutong		
28 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
°C	°C	°C
Kuala Belait		
28 °C	32 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C
°C	°C	°C
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Melahirkan generasi bintang bola sepak masa depan



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai (atas). Manakala gambar kanan, sekitar Sidang Media berkenaan.

>> Muka 1

"Pemilihan jumlah pemain yang begitu besar untuk kejohanan antarabangsa ini membuktikan komitmen akademi dalam memupuk dan melahirkan generasi bintang bola sepak masa depan," katanya.

Kejohanan Bola Sepak Remaja Antarabangsa RSC Dato Chu Ah Nge ujarnya, terkenal sebagai platform untuk bakat muda dari seluruh dunia untuk memperkenalkan kemahiran mereka, belajar

dari satu sama lain dan memupuk semangat kesukanan.

Katanya, penyertaan BFA bukan sahaja menekankan jangkauan global bola sepak Brazil tetapi juga menandakan pencapaian penting bagi pertumbuhan individu pemain-pemain muda ini.

Edu Rodrigues Peixoto menjelaskan, pemain-pemain yang terpilih telah menjalani sesi latihan yang ketat, menekankan kepakaran teknikal dan kebijaksanaan strategik di bawah bimbingan kakitangan jurulatih BFA yang dihormati.

"Perjalanan mereka ke pentas antarabangsa mencerminkan bukan sahaja kehebatan individu mereka tetapi juga kekuatan kolektif BFA sebagai institusi pembangunan bola sepak," tambahnya lagi.

Berangkat menyertai kejohanan itu nanti, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhammad 'Aamir bin Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini.

BFA dalam pada itu mengucapkan terima kasih kepada pengajur Kejohanan Bola Sepak Remaja Antarabangsa RSC Dato Chu Ah Nge kerana memberikan peluang ini kepada bakat muda yang bakal

ditampilkan.

Pihak akademi yakin bahawa pengalaman ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pertumbuhan pemain tetapi juga akan meningkatkan reputasi bola sepak Brazil di peringkat global.

Seluruh komuniti BFA termasuk pemain, jurulatih, kakitangan dan penyokong, mengucapkan selamat maju jaya kepada bakat muda kami dalam kejohanan yang akan datang.

WADAH PERBINCANGAN MENAMBAH BAIK PERKHIDMATAN UGAMA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa sesi bergambar ramai pada Sesi permuzakarah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Manakala gambar bawah kanan, suasana sekitar Sesi Permuzakarah.

menambahbaik cara pelaksanaan perkhidmatan ugama di NBD.

Terdahulu sebelum sesi permuzakarah bermula, Ahli-ahli MMN berpeluang menyaksikan pameran mengenai perkhidmatan ugama dikendalikan oleh jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah KHEU.

Hadir sama pada sesi permuzakarah tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di bawah KHEU.

awam untuk mempertingkatkan pemahaman awam terhadap perkhidmatan ugama di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sesi permuzakarah merupakan acara tahunan bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerja KHEU dengan Ahli-ahli MMN dalam sama-sama menyumbang ke arah kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan negara ini khususnya mengenai perkhidmatan ugama agar terus berkembang maju.

Bahkan, sesi permuzakarah ini juga merupakan wadah untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu berbangkit dan



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut dalam ucapan alu-aluan pada Sesi Permuzakarah antara Ahli-ahli MMN dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diadakan pagi tadi di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat turut menyentuh mengenai Sistem Integrasi di mana Sekolah Ugama akan terus diperkembangkan melalui Sistem Integrasi mata pelajaran ugama ke dalam sistem persekolahan umum.

Sesi muzakarah diikuti dengan ucapan balas daripada Ketua Rombongan Ahli-ahli MMN yang

antara lain, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan menyambut baik sesi permuzakarah pagi ini sebagai platform untuk berkongsi pandangan dan saranan dalam sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan KHEU dan seterusnya beroleh penyelesaian yang bermanfaat.

Seterusnya, taklimat mengenai KHEU disampaikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Beliau antara lain menyambut baik inisiatif Yang Berhormat Ahli-ahli MMN yang dilantik yang telah mengadakan lawatan kerja di beberapa buah jabatan di bawah KHEU.

Taklimat juga mengongsikan mengenai kejayaan dalam

pembelajaran dan pengajaran Al-Quran secara menyeluruh di peringkat kanak-kanak, kebangsaan dan antarabangsa dengan pendekatan Whole of Nation serta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan bagi menjayakan Sistem Integrasi mata pelajaran ugama ke dalam sistem persekolahan umum.

Atur cara diteruskan dengan Sesi Permuzakarah antara Ahli-ahli MMN dengan pihak KHEU yang memfokuskan kepada empat pembentangan isu-isu strategik iaitu peluang-peluang pekerjaan kepada lepasan graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); isu kebersihan tandas dan tempat wuduk masjid; projek penurunan kes jenayah syariah memfokuskan kesalahan-kesalahan seksual (perbuatan zina); dan cadangan strategi perhubungan

SMS BRUNEI PRIHATIN BAGI DANA 2023-2024 KUTIP BND197,068.00



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menerima sumbangan daripada Syarikat Progresif Sdn. Bhd. (Progresif) yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Pentadbiran, Progresif, Awang Abdul Hakeem bin Haji Basir.

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof merangkap Pengurus Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Tiga syarikat telekomunikasi negara iaitu DST, Progresif dan Imagine masing-masing menyediakan perkhidmatan mereka tanpa caj untuk memudahkan sumbangan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Pertahanan II, seterusnya menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat berkenaan iaitu DST sejumlah BND121,038.00 yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Radin Sufri Radin Basuni, diikuti dengan Progresif sebanyak BND62,078.00 yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Pentadbiran, Progresif, Awang Abdul Hakeem bin Haji Basir, manakala sebanyak BND2,952.00 dari Imagine pula disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Imagine, Allen On. Malah, ketiga-tiga syarikat ini juga turut memberikan sumbangan tambahan kepada DANA.

Ini disusuli dengan pelancaran Projek SMS Brunei Prihatin 2024-2025 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Projek ini dibuka kepada orang ramai sehingga 2 September 2025.

Melalui perkhidmatan ini,

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

masyarakat boleh menyumbang sejumlah BND1 hingga BND100 dengan menaip kata laluan 'DANA' diikuti jumlah sumbangan, misalnya 'DANA10' dan menghantarnya ke nombor 38111 untuk pengguna DST dan Progresif, atau 39999 untuk pengguna Imagine.

Usaha ini turut disokong oleh pelbagai agensi kerajaan, termasuk Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui penyebaran maklumat kepada masyarakat.

Tujuan utama bagi mengadakan SMS Brunei Prihatin bagi DANA adalah untuk meningkatkan rasa pemedulian dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat terhadap anak-anak yatim.

Projek ini juga adalah merupakan salah satu usaha DANA dalam mempelbagaikan cara atau mekanisme yang mudah untuk orang ramai menyalurkan sumbangan ikhlas mereka khusus kepada anak-anak yatim di negara ini.

Pada majlis yang sama, DANA turut menyampaikan sumbangan kepada 2,718 anak-anak yatim yang berdaftar di Sekretariat DANA dalam bentuk kupon bernilai BND70.00 setiap seorang untuk pembelian peralatan dan keperluan persekolahan bagi tahun 2025.

Sementara itu, sumbangan melibatkan anak-anak yatim yang tidak berdaftar di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN) dan tidak menerima bantuan daripada agensi lain, dengan jumlah keseluruhan nilai kupon mencecah BND190,260.00.

Kupon telah diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pemegang Amanah DANA kepada

setiap daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara diwakili oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Md Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin yang menerima sebanyak 1,877 kupon, manakala Daerah Belait menerima 326 kupon yang diterima oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amir Azman bin Pehin Orang Kaya Pekerja Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman, manakala bagi Daerah Tutong, sebanyak 376 kupon yang diterima oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmed dan sebanyak 139 kupon lagi diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar bagi Daerah Temburong.

Kupon-kupon ini akan diagihkan kepada anak-anak yatim melalui kumpulan kampung masing-masing.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan kupon DANA kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Md Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin.

Lahir rasa syukur, penghargaan kepada golongan OKU



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Qalbun Salim bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2024.

MANGGIS / MADANG, Isnin, 2 Disember. - Bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah mengadakan Majlis Qalbun Salim petang tadi bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis antara lain bertujuan untuk melahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang

telah menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Seramai lebih daripada 130 orang menghadiri majlis ini, yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Tahliil yang dipimpin oleh Imam Masjid SSBRPAD, Awang Khaizuran Amali bin Haji Kamsami.

Majlis turut diisikan dengan Tazkirah Khas bertajuk 'Menyantuni Golongan OKU' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Dalam tazkirah tersebut, beliau menekankan isu mentaliti atau sikap sesetengah anggota masyarakat yang menganggap OKU sebagai beban dalam kehidupan. Sikap ini

menyebabkan perjalanan hidup golongan OKU penuh dengan cabaran yang perlu diatasi.

Beliau turut menegaskan bahawa sikap sebegini amat tidak wajar dalam kalangan masyarakat normal. Sebagai seorang Muslim yang beriman, masyarakat seharusnya melihat golongan OKU sebagai peluang untuk meraih pahala dengan memberikan bantuan yang sewajarnya.

Sebagai langkah mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif, Pegawai Pelajaran Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait, Awang Abdul Aziz bin Assan selaku Jurualih Bahasa Isyarat dijemput bagi memastikan golongan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

OKU Pendengaran dapat mengikuti keseluruhan majlis dengan baik.

Majlis diakhiri dengan menuaika Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Khaizuran Amali dan bacaan Doa Kesyukuran Khas OKU, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta Doa Qunut Nazilah bagi memohon perlindungan kepada penduduk Palestin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Pegawai-pegawai Kanan KKBS; Yang Dipertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Malai Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah; Ahli-ahli MKOKU dan persatuan di bawahnya serta rakan-rakan strategik kementerian.

Majlis Qalbun Salim mencerminkan komitmen negara dalam memastikan golongan OKU terus dihargai dan disokong dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat.

Di samping itu, NBD juga akan turut serta dalam meraikan HAOKU dengan menyalaikan lampu berwarna ungu di beberapa lokasi utama termasuk Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan



PEGAWAI Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi semasa menyampaikan tazkirah khas.

Bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Penyalaan lampu ini akan berlangsung pada 2 hingga 3 Disember 2024 bermula pukul 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam sebagai tanda sokongan dan simbolik Sambutan HAOKU.

Warna ungu ini selaras dengan amalan yang dipraktikkan oleh negara lain. Orang ramai digalakkan untuk mengambil gambar lokasi-lokasi tersebut yang diterangi lampu ungu dan memuat naiknya ke media sosial dengan menggunakan hashtag #HAOKU2024 atau #IDPWD.

PERKASAKAN KEPIMPINAN OKU DEMI PEMBANGUNAN LEBIH LESTARI, ADIL

>> Muka 1

Bagi meningkatkan kualiti penjagaan untuk OKU, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk menyediakan Kursus Care Provider bagi para penerima Elaun Penyedia Penjagaan iaitu khusus bagi penjagaan golongan warga emas yang berkelainan upaya dan memerlukan bantuan dari orang lain.

InsyaaAllah, melalui kursus ini, ahli keluarga/penjaga akan dapat mempelajari teknik-teknik penjagaan yang betul untuk memastikan keselamatan OKU dan warga emas dalam penjagaan harian.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengongsikan, setakat ini seramai 2,699 OKU telah didaftarkan ke dalam Pendaftaran Kebangsaan OKU setelah mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, setakat Oktober 2024, seramai 6,156 OKU telah menerima Elaun Kurang Upaya (EKU) yang mana seramai 825 orang daripadanya telah menerima daerah iaitu Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyatakan bahawa pada tahun ini, pengambilan ke-13 Program Khidmat Bakti Negara akan memperkenalkan modul latihan baharu yang menekankan penjagaan untuk pelbagai segmen masyarakat termasuk untuk OKU.

"Pengenalan modul ini mencerminkan komitmen negara dalam memupuk masyarakat yang inklusif dan penyayang selaras dengan hasrat kita untuk memastikan kesejahteraan dan



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri semasa menyertai sesi bergambar ramai pada Majlis Apresiasi IBTE 2024 (atas). Manakala gambar bawah kanan, suasana sekitar majlis berkenaan.

Oleh: Muhamad Khairul Hisyam bin Jaya
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 3 Disember. – Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengadakan Majlis Apresiasi IBTE 2024 bagi menghargai sumbangan berterusan daripada rakan industri serta mengiktiraf jasa pegawai dan kakitangan yang telah bersara pada tahun lepas.

Acara ini juga bertujuan memperingati Ulang Tahun Transformasi IBTE yang ke-10 sejak perubahan besar yang dilaksanakan pada tahun 2014.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato

penyertaan aktif semua kumpulan dalam pembangunan negara," jelas Yang Berhormat.

Intervensi awal untuk kanak-kanak kelainan upaya jelas Yang Berhormat, adalah satu lagi aspek penting dalam memastikan inklusiviti dan peluang yang sama untuk semua. Diagnosis dan sokongan awal bukan sahaja meningkatkan hasil perkembangan tetapi juga meletakkan asas yang kukuh untuk kanak-kanak mencapai potensi penuh mereka.

Tambah Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengiktiraf kepentingan ini seperti yang tercmin dalam usaha kerjasama antara KKBS, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan dalam menyediakan perkhidmatan sokongan yang boleh diakses.

"Adalah penting untuk keluarga, pendidik, dan masyarakat bekerjasama untuk menyediakan persekitaran yang menyokong bagi membesarakan kanak-kanak ini, memastikan mereka diperkasa untuk memimpin kehidupan yang bermakna dan memuaskan," ujar Yang Berhormat.

Selain dari memastikan kebajikan golongan OKU jelas Yang Berhormat, Pelan Tindakan OKU 2020-2024 di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial juga menekankan strategi bagi meningkatkan kapasiti dan akses OKU kepada pendidikan dan peluang menjana pendapatan agar mereka dapat hidup berdikari dalam masyarakat.

"Dari segi pendidikan, Alhamdulillah, mulai tahun ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Mulia telah menyediakan peruntukan Elaun Pendidikan Khas bagi institusi-institusi dan sekolah-sekolah khas yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

KKBS, Kementerian Pendidikan dan Projek IMPIAN pada julung-julung kalinya akan mengadakan Pameran dan Forum Sumber Keperluan Khas: OKU dengan Pendidikan dan Kemahiran yang akan diadakan pada 8 Disember 2024.

Acara ini akan menyediakan satu landasan one-stop bagi ibu bapa dan penjaga untuk mengetahui program-program yang disediakan di sekolah-sekolah, agensi-agensi dan juga persatuan-persatuan OKU bagi golongan OKU sebelum dan selepas mengikuti persekolahan di bawah Akta Pendidikan Wajib," tambah Yang Berhormat.

Dari segi pekerjaan jelas Yang Berhormat, baru-baru ini, 'Jelajah Kerjaya 2024 Recruitment Drive' anjuran Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) telah menawarkan sebanyak 100 peluang pekerjaan dari syarikat-syarikat swasta dan mengadakan temu duga terbuka bagi para pencari kerja tempatan termasuk untuk OKU.

Kolaborasi antara Jabatan Buruh, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) dan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) ini mencerminkan advokasi yang digalakkan melalui Pelan Tindakan OKU dan perlu dipertingkatkan lagi demi memberikan peluang yang sama kepada golongan OKU untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Terdahulu, dalam perutusan Yang Berhormat mengongsikan, tarikh 3 Disember tahun ini menandakan Sambutan HAOKE 2024 yang disambut oleh negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) termasuk Negara Brunei Darussalam.

Tema sambutan untuk kali ke-31 ini ialah 'Amplifying the leadership of persons with disabilities for an inclusive and sustainable future' atau 'Memperkasa Kepimpinan Orang Kelainan Upaya untuk Masa Depan yang Inklusif dan Mampan.'

Tema ini menekankan kepentingan penyertaan berterusan OKU di semua peringkat, serta perlunya kerjasama untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif untuk memberikan peluang yang sama kepada OKU dalam pendidikan, pekerjaan dan masyarakat.

Selain menyeru masyarakat untuk menyokong kepimpinan OKU dalam memperjuangkan hak mereka demi pembangunan yang lebih lestari dan adil, tema ini juga selaras dengan salah satu daripada empat bidang utama Pelan Tindakan OKU di bawah Jawatankuasa Khas Isu OKU iaitu Penglibatan OKU dan Masyarakat (Advokasi).

Dalam mengakhiri perutusan, Yang Berhormat menekankan bahawa Sambutan HAOKE memperingatkan kita tentang nilai dan sumbangan besar golongan OKU dalam masyarakat serta pembangunan negara.

Sambutan ini bukan sahaja untuk meraikan kebolehan OKU tetapi juga seruan untuk bertindak dan terus berusaha ke arah dunia yang benar-benar inklusif dan saksama



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan perutusan sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2024.

tanpa tiada siapa yang ketinggalan.

Setiap individu mempunyai peranan penting dalam memperjuangkan hak OKU. Ini termasuk menyokong persekitaran yang mesra dan boleh diakses oleh OKU, mendidik diri sendiri serta orang lain mengenai isu-isu yang dihadapi mereka dan menyokong dasar-dasar yang menjamin kesaksamaan hak. Setiap tindakan sekecil mana pun, memberi impak yang besar dalam memastikan hak OKU dihormati dan dilaksanakan.

"Dengan segala kerendahan hati, segala jasa dan pengorbanan serta kasih sayang dan dedikasi yang telah diberikan oleh ahli keluarga, penjaga dan pendidik dalam usaha menjaga kesejahteraan dan kebajikan golongan OKU adalah amat dihargai. Bersama-sama, kita mampu mewujudkan dunia di mana setiap individu - tanpa mengira kemampuan mereka - mendapat peluang untuk berkembang, memimpin dan hidup dengan penuh maruah," ujar Yang Berhormat dalam mengakhiri Perutusan Sambutan HAOKE 2024.

Komitited melahirkan pelajar cemerlang, menyumbang pembangunan ekonomi, sosial

memastikan latihan yang disediakan adalah berkualiti tinggi, menghasilkan pelajar yang cemerlang, mudah mendapat pekerjaan dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara," tambah beliau.

Antara lain tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada rakan industri, dermawan serta pihak berkepentingan yang telah memberi sokongan kepada IBTE sepanjang tahun ini.

Selain itu, pesara IBTE turut diraikan bagi menghargai sumbangan mereka terhadap perkembangan institusi ini. Anugerah Pengiktirafan Kakitangan juga diberikan kepada beberapa individu yang telah menunjukkan prestasi luar biasa dalam tugas mereka.

Majlis diteruskan dengan pembentangan video yang memaparkan pencapaian-pencapaian IBTE sejak 10 tahun yang lalu diikuti dengan pelancaran barang sempena Ulang Tahun Transformasi IBTE yang ke-10.

Pada majlis tersebut, seramai 11 orang rakan industri yang telah dilantik sebagai ahli Programme Development and Evaluation Committee (PDEC) diiktiraf atas sumbangan mereka dalam

pembangunan kurikulum IBTE.

Sementara itu, 30 rakan industri lagi turut diberi penghargaan atas kerjasama dan sokongan mereka terhadap IBTE.

Pada majlis itu, 14 orang pegawai dan kakitangan yang telah bersara turut menerima sijil penghargaan sebagai tanda terima kasih atas dedikasi dan sumbangan mereka sepanjang berkhidmat di IBTE.

Manakala, 11 orang pegawai dan kakitangan IBTE juga dianugerahkan dengan Anugerah Pekerja Cemerlang atas prestasi cemerlang pada tahun 2024.

Hadiyah dan sijil penghargaan disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis Apresiasi IBTE ini

merupakan acara tahunan yang bertujuan untuk menghargai dan merayakan kerjasama yang erat antara IBTE dan rakan industri serta menggalakkan budaya organisasi yang positif.

Di samping itu, ia juga adalah untuk meningkatkan semangat berpasukan, kepuasan kerja dan kesejahteraan dalam kalangan warga kerja IBTE.

Dengan kejayaan acara ini, IBTE terus komited untuk memperkuatkan lagi hubungan dengan sektor industri dan menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi bagi mempersiapkan generasi muda negara dengan kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi cabaran global.



MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG PANDAN 'C'



SESI bergambar ramai semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pandan 'C'. Manakala gambar kanan, suasana sekitar majlis tersebut.

BELAIT, Isnin, 2 Disember.— Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pandan 'C', telah diadakan baru-baru ini bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mukim Kuala Belait menggunakan kaedah kertas undi. Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada Jumaat, 29 November 2024.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.

Seramai dua calon yang layak bagi jawatan Ketua Kampung Pandan 'C'. Calon pertama ialah Awang Muhammad Nurfaizal bin Ismail, berusia 38 tahun. Beliau berkelulusan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' Level) dan bertugas sebagai Freelance di Jabatan Radio

Televisyen Brunei dan juga memangku jawatan Ketua Kampung Pandan 'C' secara bergilir sebulan ke sebulan.

Calon yang kedua ialah Awang Abdul Fa'iz Ariffin bin Haji Awang Mohamad, berusia 30 tahun. Beliau berkelulusan BDTVEC National Diploma in Business and Finance. Beliau semasa ini memangku jawatan Ketua Kampung Pandan 'C' secara bergilir sebulan ke sebulan.

Seramai 168 penduduk

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait



kampung yang berdaftar dan layak mengundi calon untuk mengisikkan kekosongan jawatan Ketua Kampung Pandan 'C' di mana 28 orang (17 peratus) telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan 140 orang (83 peratus) telah mengundi menggunakan kertas undi (ballot paper).

Daripada jumlah tersebut 64 orang telah bersetuju memilih Awang Muhammad Nurfaizal dan 103 orang telah bersetuju untuk memilih Awang Abdul Fa'iz dan satu undi rosak.

Hadir pada majlis tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amir Azman bin Pehin Orang Kaya Pekerja Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman; Ahli

Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman juga selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat; Awang Mohammad Hazeeq bin Arsad selaku wakil dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait, penghulu - penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua rumah panjang.

Keputusan - keputusan pengundian yang diperoleh akan dibawa dan digunakan dalam menyediakan sokongan yang mana seterusnya dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦرعن

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store GET IT ON Google Play

Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

BERIBI, Selasa, 3 Disember. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) mengadakan satu program, iaitu Program Bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) : Mewujudkan Kebersamaan.

Program berkenaan bertujuan bagi memastikan golongan OKU, terutama OKU penglihatan dan pendengaran tidak ketinggalan dalam menimba pengalaman lawatan ke galeri-galeri pameran dan mengikuti segala aktiviti, program keilmuan Islam yang disediakan.

Program yang diadakan bersamaan dengan Hari OKU Sedunia dan Festival Disember Brunei Kali Ke-8 bermula hari ini sehingga 8 Disember 2024.

Orang ramai terutama golongan OKU penglihatan dan pendengaran adalah dipelawa dan sangat dialu-alukan untuk datang ke BKISHHB bagi merebut peluang menyertai program berkenaan.

Program yang julung kali diadakan berkenaan adalah kolaborasi di antara BKISHHB dan beberapa agensi kerajaan dan swasta seperti Jabatan Pendidikan Khas di Kementerian Pendidikan, Unit Pendidikan Khas di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pusat Bahagia di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC) di Kementerian Kesihatan, D'Sunlit Sdn. Bhd. dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Turut serta menjayakan program berkenaan adalah persatuan-persatuan seperti Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB), Persatuan Orang Kurang

Peluang OKU penglihatan, pendengaran timba pengalaman lawatan ke BKISHHB



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri semasa menyaksikan pameran pada Program Bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) : Mewujudkan Kebersamaan (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, antara yang hadir pada program tersebut.



Pendengaran (OKP) dan Persatuan Jari-jariku.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada agensi kolaborasi oleh tetamu kehormat majlis dan seterusnya lawatan ke ruang pameran di Ruang Lobi BKISHHB.

Di antara pengisian utama yang ditawarkan dalam program berkenaan adalah Audio and Sign Language Tour Visit dan seterusnya lawatan ke sembilan buah galeri yang terdapat di BKISHHB.

Dalam lawatan berkenaan, para peserta daripada golongan OKU penglihatan dibawa ke sembilan galeri berkenaan dan diterangkan menggunakan alat audio oleh jurupandu dilantik.

Para peserta daripada golongan OKU pendengaran juga dibawa ke galeri-galeri berkenaan dan diterangkan menggunakan bahasa isyarat oleh jurubahasa dilantik terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Jari-jariku.

Manakala, dalam sesi Sensory Visit pula, para peserta dibawa ke ruang pameran di Ruang Lobi BKISHHB untuk memberi peluang kepada para peserta terutama daripada golongan OKU penglihatan untuk memegang bahan-bahan pameran replika seperti replika tongkat Nabi Musa, replika alat kaji bintang, replika fosil ketam, replika fosil gigi kerbau, replika batu meteor dan lain-lain lagi.

Selain itu, terdapat pameran-pameran sementara berkaitan dengan golongan OKU penglihatan dan pendengaran yang disediakan oleh pihak Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan; Unit Pendidikan Khas,

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Jabatan Pengajian Islam, KHEU; Pusat Bahagia, JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; ITQSHHB dan CDC, Kementerian Kesihatan.

Selain daripada memberi peluang kepada golongan OKU terutama OKU penglihatan dan pendengaran untuk merasai pengalaman mengadakan lawatan ke galeri khusus BKISHHB, program berkenaan juga merupakan salah satu inisiatif untuk menjadikan BKISHHB sebagai sebuah destinasi kunjungan lawatan yang OKU friendly.

BIBD TERIMA 2 ANUGERAH BERPRESTIJ

Siaran Akbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) terus meneraju dalam sektor perbankan Islam dengan menerima dua anugerah berprestij pada Anugerah Perbankan Runcit Islam (IRBA) 2024 yang diadakan baru-baru ini di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

BIBD dianugerahkan Bank Runcit Islam Terbaik untuk Perbankan Pertama dan Bank Runcit Islam Paling Mampan di Negara Brunei Darussalam.

Mengulas mengenai pengiktirafan itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri berkata, anugerah ini mencerminkan komitmen BIBD untuk menjadi institusi kewangan Islam terbaik, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam tetapi juga di pentas global.

"Inisiatif kami dalam kemampuan dan perbankan terulung adalah untuk memastikan, bahawa kami bukan sahaja menyantuni pelanggan kami dengan cemerlang tetapi juga menyumbang secara bermakna kepada agenda kebangsaan yang lebih luas. Misi kami kekal berakar dalam berkhidmat kepada masyarakat yang lebih luas dan mencapai kemajuan dan pertumbuhan yang mampan," katanya lagi.

Menerima anugerah bagi pihak BIBD ialah Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Yusri bin Haji Wahsalfelah; Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar dan

Timbalan Ketua Perbankan Runcit BIBD, Awang Junaidi bin Bahrum.

Anugerah Bank Runcit Islam Paling Mampan menyerlahkan komitmen BIBD yang tidak berbelah bahagi untuk memajukan agenda kemampannya dan menyampaikan perkhidmatan yang luar biasa kepada pelanggannya.

Jawatankuasa Anugerah memuji rangka kerja kemampuan BIBD yang teguh sejarah dengan Maqasid Shariah dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu.

Antara inisiatif yang menunjukkan kepimpinan BIBD dalam kemampuan ialah Plastik Kitar Semula untuk Kad Perbankan: Inisiatif peneraju negara yang menggantikan semua kad perbankan kepada plastik kitar semula, mengurangkan sisa dan menggalakkan amalan mesra alam.

Projek Alam Mampan iaitu program memberi impak ini menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar melalui penanaman 660 pokok dan pemasangan 20 bebolat terumbu di sepanjang pantai Brunei untuk mencipta sinki karbon semula jadi.

Sementara itu, Kempen Pendidikan adalah Program Jangan Membazir dan Simpan Lebih yang menjangkau lebih 1,500 pelajar di 15 buah sekolah, menekankan peranan BIBD dalam membentuk generasi yang telik kewangan dan sedar alam sekitar.

Manakala inisiatif Kepimpinan Tenaga Boleh Diperbaharui yang menyentuh mengenai BIBD yang

merupakan institusi kewangan pertama di Brunei yang memasang panel solar atas bumbung di ibu pejabatnya, BIBD menetapkan standard baharu untuk kemampuan korporat, mengurangkan kos tenaga sebanyak 20 peratus dan menyumbang kesan alam sekitar yang setara dengan penanaman 750 pokok.

Melalui inisiatif ini, BIBD bukan sahaja menetapkan tanda aras dalam tanggungjawab alam sekitar dan sosial tetapi juga mempamerkan keupayaannya untuk menyelaraskan strateginya dengan piawaian global sambil berkhidmat kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, anugerah Bank Runcit Islam Terbaik untuk Perbankan Pertama menggariskan komitmen BIBD yang tidak berbelah bahagi untuk menyampaikan perkhidmatan cemerlang yang memenuhi keperluan yang semakin berkembang bagi pelanggannya yang dihargai, melalui perkhidmatan Perbankan Privilege PERDANA yang ekslusif.

Melalui PERDANA, individu yang layak boleh merasai pengalaman perbankan yang lebih ekslusif melalui Pengurus Perhubungan BIBD di mana seseorang boleh menguruskan akaun mereka, merancang pulangan yang lebih besar untuk simpanan mereka bagi memahami pilihan perbankan Islam yang tersedia untuk keperluan waris masa depan, dalam keselesaan ruang istirahat PERDANA yang ekslusif.

Faedah lain yang disesuaikan dan disusun mengikut keperluan



MENERIMA anugerah bagi pihak BIBD ialah Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Yusri bin Haji Wahsalfelah; Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar dan Timbalan Ketua Perbankan Runcit BIBD, Awang Junaidi bin Bahrum.

individu termasuk Akses kepada peluang Pengurusan Kekayaan global, kadar deposit keutamaan, Kemudahan NAQD, Keistimewaan Mastercard Dunia, arahan jarak jauh dan acara gaya hidup eksklusif adalah antara banyak perkhidmatan lain yang tersedia untuk semua pelanggan perkhidmatan.

Pengiktirafan ini bukan sahaja mencerminkan dedikasi BIBD untuk meningkatkan perjalanan pelanggan tetapi juga pengiktirafan antarabangsa terhadap usahanya dalam menetapkan penanda aras baru untuk penyampaian perkhidmatan.

Dengan terus memperhalusi produk dan perkhidmatannya, BIBD menunjukkan keupayaannya untuk bersaing di pentas global sambil terus menepati janjinya untuk

meletakkan pelanggannya sebagai keutamaan.

Sebagai institusi kewangan Islam terkemuka Brunei, BIBD tetap berdedikasi untuk menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi negara. Penghargaan ini mencerminkan penjajaran BIBD dengan Wawasan Brunei 2035 yang berhasrat untuk menjadikan negara diiktiraf sebagai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kualiti hidup yang tinggi dan ekonomi yang dinamik serta mampan.

Berpandukan nilai teras dan komitmennya untuk menjadi 'Bruneian at Heart', BIBD akan kekal sebagai rakan kongsi yang dipercayai dalam memupuk masa depan yang lebih mampan bagi negara ini.

BADUDUN BERSAMA BISKITA : MEMPROMOSI PRODUK, PERKHIDMATAN RTB



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri semasa hadir pada Jerayawara 'Badudun Bersama Biskita'.

SALAMBIGAR, Isnin, 2 Disember. — Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) baru-baru ini mengadakan Jerayawara 'Badudun Bersama Biskita' bertempat di OneCity Shopping Centre, Jalan Utama Salambigar bagi memberi kefahaman dan mempromosi produk dan perkhidmatan RTB

kepada orang ramai.

Pada jerayawara berkenaan, program dimulakan dengan sesi taklimat dan soal jawab bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk mengongsikan pandangan serta mendapatkan penjelasan lanjut khususnya mengenai perkembangan



siaran dan rancangan-rancangan RTB.

Melalui taklimat yang disampaikan, para jemputan dan orang ramai yang hadir di jerayawara berkenaan juga turut diberikan penjelasan yang informatif mengenai dengan peranan utama RTB dan perkembangan RTBGo, perkembangan rancangan Televisyen (TV), perkembangan rancangan radio serta perkhidmatan pemancaran TV dan Radio.

Hadir pada sesi berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah RTB, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Muhammad Kifli; Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'B' dan Pemangku Ketua Kampung Sungai Hanching, pegawai-pegawai kanan, para pegawai serta kakitangan RTB.

Mewakili RTB semasa sesi soal jawab berkenaan ialah Pemangku Ketua Rancangan TV, Dayang Aminah binti Metali; Penolong Ketua Rancangan Radio, Dayang Salmi binti Haji Ibrahim; dan Jurutera Siaran dan Kawalan Saluran, Awang Mohamed Reza Salmaan bin Dato Seri Setia Haji Mustappa.

Beberapa aktiviti sampingan juga diadakan sepanjang jerayawara berkenaan berlangsung, seperti galeri pameran dari Bahagian Rancangan TV, Bahagian

Rancangan Radio, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan dan Bahagian Pemasaran dan Promosi dan Perkhidmatan RTBGo.

Selain itu, aktiviti seperti penjualan merchandise RTB, Kahoot, mainan interaktif, kaji selidik dan kuiz turut diadakan.

Jerayawara berkenaan telah

disokong oleh OneCity Shopping Centre, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Hamitan Group Brunei, A.Ayam Brunei, Makan Ceria McDonald's Brunei, Indofood Syarikat Aliaa Sdn. Bhd., Intracorp Sdn. Bhd., Advansse Distribution, The Coffee Bean & Tea Leaf, Incomm, Miniso Brunei, Cuckoo, The Daun and The Potato Habit.



4 Ahli PUJA Brunei terima anugerah



EMPAT Ahli Bahagian Kejuruteraan Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei yang menerima Anugerah Associate ASEAN Engineer.

Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. — Anugerah Associate ASEAN Engineer telah diberikan kepada empat Ahli Bahagian Kejuruteraan Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei iaitu Jevons Quiambao Penaflor, Tay Shieh Chersh, Awang Muhd. Faiz bin Adros dan Awang Abdul Hanan bin Abdullah semasa Persidangan Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN Ke-2 (CAFEO-42) yang telah diadakan baru-baru ini.

Di samping pencapaian ini, Ahli PUJA Brunei, Ir. Iskandar bin Dato Ir. Haji Othman juga dianugerahkan Honorary Member title of The ASEAN Federation of Engineering Organisations pada 24 Oktober 2024 yang lalu.

Pencapaian tersebut telah mengiktiraf kepakaran dan sumbangan yang luar biasa yang mereka lakukan terhadap profesion kejuruteraan malah anugerah itu seterusnya menekankan komitmen mereka untuk memajukan amalan

kejuruteraan dan inovasi teknologi di rantau ini.

CAFEO-42 menyediakan platform yang tidak ternilai untuk jurutera dari negara anggota ASEAN untuk bekerjasama dan membincangkan cabaran dan peluang mendesak dalam bidang tersebut.

Dengan mengambil bahagian secara aktif dalam acara ini, empat profesional ini bukan sahaja telah meningkatkan pembangunan peribadi mereka tetapi juga membantu meningkatkan kedudukan tempatan dalam komuniti kejuruteraan serantau.

HALUAN

>> Muka 2

Pembentukan semula dan penambahbaikan kepada program saringan retinopati diabetes dan penyakit mata yang lain, bukan sahaja adalah selaras dengan matlamat strategik Kementerian Kesihatan dalam Pencegahan dan Pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit, tetapi juga memberikan penekanan akan kepentingan penggunaan kesihatan digital (*digital health*) sebagai satu norma.

Oleh dengan itu, saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan pada hari ini akan melancarkan Program Saringan Mata Kebangsaan Menggunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dengan menggunakan sistem EyRIS SELENA+. Langkah ini menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan negara kita dan ianya selaras dengan matlamat kedua Wawasan 2035 iaitu untuk mencapai kualiti kehidupan rakyat yang tinggi. Pelancaran program saringan mata ini juga adalah langkah pertama dalam visi jangka panjang negara untuk 'Rangka Kerja AI dalam Penjagaan Kesihatan'.

Program Saringan Mata Kebangsaan Menggunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) ini disediakan di semua hospital di negara ini termasuk pusat kesihatan Rimba, Pusat Kesihatan Muara, Pusat Kesihatan Sengkurong dan Pusat Kesihatan Berakas sejajar dengan matlamat Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu Perlindungan Kesihatan Sejagat dan bagi memastikan akses kepada penjagaan mata untuk semua. Unit pemeriksaan mata mudah alih juga akan disediakan untuk mencapai pesakit di kawasan luar bandar.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pengurus Bersama serta Ahli Jawatankuasa Acara Majlis Program Saringan Mata Kebangsaan Menggunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) sempena Hari Penglihatan Sedunia 2024 pada hari ini serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Oftalmologi di atas komitmen serta sumbangan yang telah diberikan dalam menangani isu masalah penglihatan dan pencegahan kehilangan penglihatan di NBD.

Semoga segala usaha murni dan sokongan *biskita* semua akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'alaa jua. Aamiin, Aamiin, Aamiin, Ya Rabbal 'alamii.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MENINGKATKAN KESEDARAN TERHADAP PEMATUHAN CUKAI PENDAPATAN KORPORAT



■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Bahagian Hasil baru-baru ini mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi berkenaan bertujuan untuk

SESI Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat bertujuan untuk meningkatkan kefahaman syarikat mengenai pentadbiran cukai di negara ini.

meningkatkan kefahaman syarikat mengenai pentadbiran cukai di negara ini serta membantu syarikat meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Sesi disampaikan oleh Pegawai Kewangan dari Bahagian Hasil, MOFE, Dayang Nadhirah binti Haji Awang Mahli, yang antaranya menjelaskan secara menyeluruh tentang Cukai Pendapatan Korporat termasuk Basis of Assessment, Pematuhan Cukai (Tax Obligation), Perkiraan Cukai (Tax Computation) dan Pemfailan Cukai (Tax Filing) selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Kepentingan kerjasama dalam penyelidikan peralihan

■ Siaran Akbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



SEKITAR Seminar Leading Edge Talk di Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang diadakan di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD (atas, kanan dan bawah kanan).

TUNGKU LINK, Isnin, 2 Disember. - Saintis penyelidikan utama dan pakar terkemuka dalam penyahkarbonan, Dr. Naswhad Haque dari Pertubuhan Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Komanwel (CSIRO) telah menyampaikan Seminar Leading Edge Talk di Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengenai pembangunan teknologi pelepasan rendah (The Development Of Low Emissions Technologies) untuk penjanaan kuasa di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD, hari ini.

Seminar yang membawakan

tajuk 'Scientific Cooperation to Expand Hydrogen Technologies and Ammonia Co-firing for Power Generation' merupakan anjuran Centre for Advanced Material and Energy Sciences (CAMES) dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam.

Hadir pada sesi seminar tersebut ialah pegawai-pegawai utama dan kakitangan, penyelidik dan pelajar UBD serta wakil dari institusi pengajian tinggi, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan beberapa agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan

Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Pada seminar tersebut, Dr. Haque menggariskan teknologi pelepasan rendah yang dibangunkan oleh CSIRO dan menerangkan cara penggunaan teknologi ini di mana boleh membawa kepada Sifar Bersih menjelang tahun 2050.

Sifar Bersih ialah sasaran alam sekitar di mana pengeluaran dan penyingkirkan pelepasan rumah hijau adalah seimbang, yang boleh membantu memenuhi iklim mengubah matlamat yang ditetapkan dalam Perjanjian Paris.

Dr. Haque menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dan kerjasama saintifik dalam membangunkan teknologi ini dan juga menekankan kepentingan penyelidikan peralihan dan membincangkan pendekatan untuk menukar penyelidikan kepada produk yang dikomersialkan.

CAMES merupakan salah satu institut penyelidikan di UBD yang menawarkan Ijazah Sarjana dan PhD pascasiswazah dalam Sains Bahan dan Pengajaran Tenaga.

Projek penyelidikan yang ditawarkan di CAMES termasuk Teknologi Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS), rawatan air sisa dan salutan industri yang mampan. CSIRO ialah Agensi Sains Kebangsaan Australia yang bertujuan untuk menyelesaikan cabaran global melalui sains dan teknologi yang inovatif.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERURUT

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERURUT

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak memperoleh kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



Penerima Wakaf Yang Ditentukan Meninggal Dunia

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

WAKAF merupakan amalan sunat yang dilakukan sebagai qurbah iaitu bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala. Pensyiaran wakaf dapat difahami daripada keumuman ayat al-Qur'an, firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Kamu sekali-kali tidak akan dapat mencapai (hakikat) kebaktian (yang sempurna) hingga kamu menafkahkan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan itu maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.

(Surah Ali-Imran: 92)

Para sahabat Radhiallahu 'anhuma setelah mendengar ayat ini, mereka yang mempunyai harta masing-masing bersegera melaksanakan wakaf. Antaranya Abu Thalhah Radhiallahu 'anhu, seorang hartawan dari golongan Anshar di Madinah yang mewakafkan kebun kurma yang sangat disayanginya terletak berhadapan dengan Masjid an-Nabawi iaitu Bahrubah.

Satu keistimewaan yang diperolehi oleh pewakaf ialah pahala yang berterusan sekalipun dia telah meninggal dunia. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Apabila seorang insan meninggal dunia, (pahala) amalanmu terputus daripadanya melainkan (pahala) daripada tiga (perkara iaitu): (pahala) daripada sedekah jariah (wakaf) atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya (oleh orang lain) atau anak salah yang mendoakannya.

(Hadits riwayat Muslim)

Selain itu, amalan berwakaf itu juga memberi manfaat kepada penerima wakaf.

"MENDAHULUKAN keluarga yang terdekat dari kalangan dzawil arham adalah wajib. Sebagai contoh, mendahuluikan anak lelaki kepada anak perempuan pewakaf daripada anak lelaki kepada bapa saudara pewakaf."

Jika barang wakaf dikelola dengan baik, maka ia dapat memberi kesan yang baik dan faedah yang besar kepada kemaslahatan umat Islam. Apa yang dapat kita lihat sekarang ini, sudah banyak wakaf yang disumbangkan oleh orang ramai yang digunakan sebagai kemudahan awam antaranya tanah yang diwakafkan untuk menjadi tapak masjid atau sekolah, kereta yang diwakafkan untuk membawa jenazah, kerusi-kerusi roda untuk kegunaan pesakit di hospital dan sebagainya. Selain wakaf itu untuk kegunaan awam, ada kalanya juga wakaf itu dikhususkan untuk kegunaan orang-orang tertentu seperti wakaf rumah kepada orang tertentu.

Mengenai dengan penerima wakaf yang ditentukan ini, timbul persoalan apabila penerima wakaf yang ditentukan itu meninggal dunia, siapakah yang berhak memanfaatkan barang wakaf tersebut? Berikut penjelasan mengenainya.

Penerima wakaf yang ditentukan itu sama ada dia seorang individu atau satu kumpulan orang yang ditentukan secara khusus untuk memanfaatkan harta wakaf dengan menyebut nama atau sifat mereka. Sebagai contoh seseorang berlafaz wakaf dengan menyebut nama orang tertentu seperti: "Saya wakafkan rumah ini kepada Ahmad" atau dengan menyebut sekumpulan orang tertentu seperti: "Saya wakafkan rumah ini kepada Ahmad, Ali dan Hussian" atau seseorang berlafaz wakaf dengan menyebut sifat orang yang tertentu seperti: "Saya wakafkan rumah ini kepada anak-anak Ahmad yang fakir".

Jika penerima yang ditentukan secara khusus meninggal dunia, maka orang yang berhak memanfaatkan barang wakaf seterusnya tertakluk kepada lafadz wakaf pewakaf. Sekiranya pewakaf ada menentukan orang tertentu untuk menerima wakaf setelah penerima awal yang ditentukan meninggal dunia, maka

hak memanfaatkan harta wakaf berpindah kepada penerima seterusnya. Jika pewakaf tidak menyatakan sedemikian, maka hak memanfaatkan harta wakaf itu berpindah kepada kerabat pewakaf yang terdekat daripada *dzawil arham* yang fakir. Penjelasan perkara tersebut adalah seperti berikut:

1. Sekiranya pewakaf berkata: "Saya wakafkan rumah ini kepada Ahmad kemudian kepada anaknya" dan pewakaf tidak menyatakan lagi penerima wakaf seterusnya selepas mereka, maka apabila Ahmad meninggal dunia, penerima seterusnya ialah anak kepada Ahmad. Jika anaknya pula meninggal dunia, maka menurut pendapat *al-azhar*, rumah tersebut kekal sebagai harta wakaf dan menurut pendapat *al-ashah*, penerima wakaf seterusnya ialah keluarga pewakaf yang terdekat daripada *dzawil arham* yang fakir. *Dzawil arham* ialah keluarga yang tidak termasuk sebagai ahli waris seperti anak kepada anak perempuan, emak saudara, bapa saudara (sebelah ibu) dan anak bapa saudara (sebelah bapa). Mendahulukan keluarga yang terdekat dari kalangan *dzawil arham* adalah wajib. Sebagai contoh, mendahulukan anak lelaki kepada anak perempuan pewakaf daripada anak lelaki kepada bapa saudara pewakaf.

Sekiranya pewakaf mewakafkan sesuatu kepada dua orang penerima wakaf yang ditentukan dan tidak pula menyatakan penerima wakaf seterusnya selepas mereka berdua, sebagai contoh pewakaf berkata: "Saya wakafkan rumah ini kepada kamu berdua (Ahmad dan Ali)", maka jika Ahmad meninggal dunia, bahagian Ahmad itu tidak berpindah kepada *dzawil arham* pewakaf akan tetapi berpindah kepada Ali. Jika kedua-duanya meninggal dunia, maka manfaat rumah itu berpindah kepada *dzawil arham* pewakaf.

2. Sekiranya pewakaf berkata: "Saya wakafkan rumah ini kepada anak-anak Ali kemudian kepada orang-orang fakir", maka dalam keadaan ini, apabila anak-anak Ali semuanya meninggal dunia, maka penerima wakaf seterusnya ialah orang-orang fakir.

3. Sekiranya pewakaf mewakafkan rumah kepada dua orang penerima wakaf yang ditentukan kemudian kepada orang-orang fakir, sebagai contoh pewakaf berkata: "Saya wakafkan rumah ini kepada kamu berdua (Ahmad dan Ali) kemudian kepada orang-orang fakir" maka sekiranya Ahmad meninggal dunia, menurut pendapat *al-ashah*, bahagian Ahmad berpindah kepada Ali bukan kepada orang-orang fakir kerana dari lafadz tersebut menunjukkan bahawa perpindahan

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

ALLAH Subhanahu Wata'ala mencipta manusia adalah untuk beribadah kepada-Nya, di samping diberi tanggungjawab dan amanah untuk memakmurkan bumi ini mengikut acuan dan panduan yang telah ditetapkan. Dia tidak mendapat apa-apa faedah atau keuntungan daripada apa yang dilakukan oleh manusia melainkan semua amalan tersebut kembali untuk diri mereka sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adz-Dzaariyat, ayat 56 hingga 58, mafhumnya :

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku. Aku sekali-kali tidak menghendaki rezeki daripada mereka dan Aku tidak menghendaki mereka memberi Aku makan. Sesungguhnya Allah, Dialah Pemberi Rezeki yang mempunyai kekuatan yang teguh".

Agama Islam menggalakkan umatnya supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kesejahteraan kualiti diri, keluarga, masyarakat dan negara dan Islam melarang serta memandang rendah kepada orang yang malas bekerja dan hanya bergantung nasib kepada pertolongan orang lain.

Sewajarnya kita menilai kerja-kerja yang telah kita lakukan selama ini. Adakah ianya bertepatan dengan kehendak ajaran Islam dan dikira sebagai amal ibadah serta amal soleh di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Dan amat malang dan rugi sekali sekiranya apa yang kita lakukan selama ini tidak mendapat apa-apa balasan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Segala pekerjaan baik yang dilakukan oleh manusia dengan hati yang ikhlas dan tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam, ia adalah satu tuntutan dan dikira sebagai ibadah serta mendapat pahala.


Kerana itu, Islam sangat menitikberatkan unsur cemerlangan dan kualiti dalam

sesuatu pekerjaan. Pekerja yang cemerlang merupakan aset yang bernilai dan membawa imej yang baik kepada sesebuah organisasi.

Keikhlasan adalah antara ciri pekerja yang cemerlang di samping rajin, tekun, berdisiplin, amanah, sabar, penyayang, bertanggungjawab, dan dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan dan sebagainya. Mereka yang bersikap suka membuat masa, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan, tidak menyimpan rahsia, pecah amanah, melakukan rasuah dan sebagainya adalah melambangkan sikap pekerja yang tidak berintegriti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekiranya sifat seumpama ini tidak dibendung, ia boleh diibaratkan sebagai duri dalam daging dan akhirnya akan merugikan majikan dan diri sendiri, bahkan anak-anak dan keluarga juga turut merasainya.

Jadilah pekerja yang bertanggungjawab,



Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

manfaat rumah kepada orang-orang fakir adalah setelah kematian kedua-dua mereka. Oleh kerana salah seorang dari penerima wakaf masih hidup, maka manfaat rumah tersebut terhalang dari berpindah kepada orang-orang fakir.

4. Sekiranya pewakaf mewakafkan rumah kepada dua orang penerima wakaf yang ditentukan dan membahagikan rumah tersebut kepada dua bahagian seperti tingkat bawah untuk penerima wakaf pertama dan tingkat atas untuk penerima wakaf kedua. Kemudian pewakaf menyatakan lagi penerima seterusnya. Sebagai contoh pewakaf berkata: "Saya wakafkan rumah ini kepada Ahmad dan Ali, tingkat bawah untuk Ahmad dan tingkat atas untuk Ali, kemudian kepada orang-orang fakir", maka jika Ahmad meninggal dunia, bahagian Ahmad itu tidak berpindah kepada Ali akan tetapi berpindah kepada orang-orang fakir. Sekiranya selepas itu Ali pula meninggal dunia, maka manfaat rumah itu berpindah sepenuhnya kepada orang-orang fakir.

Walau bagaimanapun sekiranya pewakaf berkata: "Saya wakafkan rumah ini kepada Ahmad dan Ali, tingkat bawah untuk Ahmad dan tingkat atas untuk Ali, kemudian selepas mereka berdua kepada orang-orang fakir", maka jika Ahmad meninggal dunia, bahagiannya tidak berpindah kepada Ali dan tidak juga kepada orang-orang fakir tetapi bahagian Ahmad itu berpindah kepada *dzawil arham* pewakaf yang fakir. Sekiranya selepas itu Ali pula meninggal dunia, maka manfaat rumah itu berpindah sepenuhnya kepada orang-orang fakir.

Demikian penjelasan mengenai dengan orang yang berhak menerima manfaat wakaf setelah penerima wakaf yang ditentukan meninggal dunia.

Bekerja ikhlas raih keberkatan

ikhlas dalam bantu membantu antara satu sama lain dalam erti kata bekerja sebagai satu pasukan dan bersaing dalam suasana yang dibenarkan oleh syarak.

Hindarilah sifat-sifat negatif seperti suka menyalahkan orang lain, dan beranggapan dirinya sahaja yang betul dalam semua keadaan, melakukan pembaziran dan berbual-bual kosong sesama rakan sekerja dan suka menonjolkan diri, berbanding sumbangan yang diberikan terlalu kecil.

Sekiranya seseorang itu mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kapadanya sedangkan ia menerima ganjaran (upah) seperti orang lain, ini bermakna ia mendapat sumber pendapatan dari kegiatan tidak halal dan sengaja mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Apa yang penting tujuan dan matlamat bagi setiap pekerjaan adalah ikhlas semata-mata kerana Allah untuk meraih keberkatan dan keredaan dari-Nya dalam setiap amalan dan pekerjaan yang kita lakukan sehari-hari.

BENGKEL KONGSI CARA PENGURUSAN JENAZAH



KETUA Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Faidil Rosemadly bin Mohamad semasa menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta (atas). Manakala gambar kanan, suasana sekitar bengkel tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kawasan 4 RPN
Kampung Panchor, Mengkubau

KAMPUNG PULAI, Isnin, 2 Disember. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau buat julung kalinya mengendalikan Bengkel Fardu Kifayah (Jenazah) bertempat di Masjid Kampung Pulaie, di sini. Seramai 53 peserta menyertai

bengkel tersebut yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa MPK dan penduduk kampung serta para belia dan beliananis Berserumpun Kawasan 4 kampung berkenaan.

Para peserta bengkel ditunjuk ajar oleh tiga fasilitator terdiri daripada Imam Masjid Kampung Pulaie, Awang Haji Nuraliff bin Haji Talib, Dayang Siti Animi binti Haji



Salleh dan Dayangku Noraiddah binti Pengiran Salleh dari Unit Penggapai Kementerian Hal Ehwal U管家。

Bengkel juga dihadiri oleh Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Faidil Rosemadly bin Mohamad yang seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta.

Beberapa peserta yang ditemui bual melahirkan rasa syukur dengan adanya inisiatif tersebut dalam menambah ilmu pengetahuan termasuk empat

perkarayang berkaitan mengenai pengurusan jenazah.

Para peserta juga berharap dapat dianjurkan bengkel pada masa akan datang dan dari itu para peserta juga siap sedia untuk sukarela menjadi penggapai sekiranya diperlukan terutama sekali bagi kawasan berkenaan apabila berlakunya mereka yang kembali ke rahmatullah.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa MPK juga sedang merancang program-program ke arah mengeratkan silaturahim sesama pihak MPK dan para

penduduk antaranya acara keagamaan iaitu Majlis Ibadah Korban, Tahlil Sekampung dan sebagainya.

Sementara itu, MPK juga merancang dari segi Program Kesukanan / Riadah iaitu Pertandingan Badminton MPK RPN Kampung Panchor di kelima-lima zon tadahan serta Program Santunan Kasih iaitu yang memfokuskan mengenai berbagi rezeki semasa pada bulan Ramadan kepada anak-anak yatim dan keluarga yang memerlukan dan sebagainya.

MINDA PEMBACA

Manfaatkan hobi dalam menjana sumber pendapatan

HOBI adalah ditakrifkan sebagai kegemaran yang diamalkan pada waktu luang dan bukan pekerjaan yang utama (seperti mengumpul setem, membaca dan lain-lain) menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Pada zaman mutakhir ini, telah wujud pelbagai jenis hobi selain daripada yang disenaraikan di atas seperti mengubah hantaran perkahwinan, mencuci kereta, menyediakan juadah makanan dan minuman.

Sudah tentu, kegiatan-kegiatan yang dinyatakan tadi memerlukan bagi penggemarnya untuk menguasai kemahiran yang tertentu. Hal ini bukan menjadi satu halangan besar pada zaman ini memandangkan kepesatan teknologi telah memberikan pelbagai peluang bagi pembelajaran dan pemerkasaan kemahiran melalui platform-platform media sosial termasuk YouTube, Instagram dan TikTok.

Ditambah lagi, dengan dunia yang saling terhubung, membolehkan seseorang penggemar itu mendapatkan barang yang diperlukan untuk menjalankan hobi melalui platform e-dagang seperti Temu, Shopee dan AliExpress. Disebabkan oleh faktor-faktor ini, ada penggemar telah membuat keputusan untuk menjadikan hobi sebagai sumber pendapatan.

Terdapat banyak manfaat yang boleh diperolehi dari menjadikan kegiatan-kegiatan ini sebagai sumber pendapatan. Pertama, ia dapat mengisikan masa dengan membuat sesuatu yang bermanfaat terutamanya bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan tetap. Kedua, ini dapat memberikan peluang bagi penggemar tersebut untuk memperkasa kemahiran yang sedia ada.

Ketiga, dengan menjadikan hobi sebagai sumber pendapatan ianya dapat secara langsung menambah modal dalam perbelanjaan sehari-hari. Perlu diingat dalam kehairahan meraih sumber pendapatan dari hobi-hobi ini, seseorang perlu memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada seperti dari aspek kehalalan pada bahan-bahan yang digunakan, kebersihan, berkaitan dengan penyediaan makanan dan minuman, kebenaran guna tanah dan pengurusan sisa sampah.

Tambahan pula, bagi mereka yang masih bekerja dengan majikan, kebenaran perlu diperolehi untuk memastikan tiada percanggahan kepentingan. Nasihat bagi perkara-perkara yang dinyatakan ini juga boleh diperolehi daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Nama : Muhammad Naqib bin Haji Brahim
No. K/P: 00-321XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'AI Membawa Kebaikan Atau Keburukan?'. Tarikh Tutup : 4 Disember 2024
- 'Merokok Membahayakan Diri, Keluarga dan Negara'. Tarikh Tutup : 11 Disember 2024
- 'Membina Keluargaku Harapanku'. Tarikh Tutup : 18 Disember 2024

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعا ممohen كفـد الله سقـاي قـرسـلامـة

درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـياـكـيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَسِنْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَيْرَوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَبَبِي
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْقُبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدٌ
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ الَّذِي يَشْفَعُ عَنْهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمُ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِي،
فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ وَلَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanat yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مُبَاوا اَكْبَر او نَتوْعْنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْد قَعْمَلْنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Provision of Six (6) Months Airport Networking System Maintenance and Support Services Contract for Terminal Building at Brunei International Airport TERMINAL / 2024-2025 / SH-06

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
4 Disember 2024, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
17 Disember 2024, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
18 Disember 2024, Rabu.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran:
To Supply and Deliver Terminal Building Lightings and Electrical Accessories, Brunei International Airport. AME / 2024-2025 / SH-24 / R (Kelas I, II atau ke atas)

Tajuk Tawaran:
Pemotongan rumput di Kawasan Hujung Landasan 3 Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 1 tahun (12 bulan) AME / 2024-2025 / SH-75 (Kelas I, II atau ke atas)

Tajuk Tawaran:
Kontrak bermusim bagi kerja-kerja pemotongan dan pembersihan rumput, longkang serta pokok di Kawasan Hujung Landasan 21 Western Parallel Taxiway Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 1 tahun (12 bulan) AME / 2024-2025 / SH-76 (Kelas I, II atau ke atas)

Tajuk Tawaran:
Kontrak Bermusim bagi Kerja-Kerja Pemotongan Serta Pembersihan Rumput, Longkang dan Pokok di Kawasan Airside E4 / E5 Southern Parallel Taxiway Jabatan Penerbangan Awam bagi Tempoh 1 Tahun (12 Bulan) AME / 2024-2025 / SH-77 (Kelas I, II atau ke atas)

Tajuk Tawaran:
Replacement of Faulty Mini Feeder Pillar and Distribution Board at Residential Flat, Simpang 51, Jalan Kustin, Brunei International Airport.

AME / 2024-2025 / SH 78 (Kelas IV atau V)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:
Rabu, 4 Disember 2024.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa, 17 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 18 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Sekysen Kewangan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

Sebut Harga bagi Anti Termite Treatment Works to Building Under Control of Municipal Department Kuala Belait and Seria
75 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025 / J.2

Dibuka kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas 1 Kategori KPB05)

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
24 Disember 2024.
(Selasa)

Waktu Kaunter Pembayaran
Isnin – Khamis
8.00 Paggi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu
8.00 Paggi – 10.00 Paggi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam



Bilangan Tawaran:
15 / BBS / SH(K) / 2024-2025

Keterangan Projek:
Membekalkan 16 Unit Perabot Pejabat (Kabinet Fail) Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
16 / BBS / SH(K) / 2024-2025

Keterangan Projek:
Mencetak 5,000 Keping Borang Kajian Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



Jawatan Kosong Sebagai Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)

atau


Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

- Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
- Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
- Kampung Merimbun, Mukim Rambai
- Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
- Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang

Adalah dimaklumkan bahawa **Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
B01 & KPB02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM031 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM / IPA.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Kebocoran pada Atap, Dinding dan Siling di Tingkat 1, 2, 3, 4 dan 5 di Keseluruhan Kawasan Dalam dan Luar Bangunan Institut Perkhidmatan Awam

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
10 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM030 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM / JPES.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pengubahsuaiann di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jalan Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
10 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisik jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Tutong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu,
4 Januari 2025.
Jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 Ext. 110 / 111.



Pemberitahuan Tawaran
Bilangan dan Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 267(2)
The Leasing of Printers Including The Supply, Delivery, Installation and Maintenance Services for 3 Years with an Option of 2 Years Extension

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 31 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.





JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV, V, & VI sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 10 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 015 / 2024

Nama Projek:
Menaiktaraf Jalan Daerah / Kampung (Batu ke Aspal / Banjir) – Paket 3: Daerah Tutong

No. Projek :
2024 / 25 JKRTUT / RKN-03

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas :
VI sahaja

Kategori :
KA01 - (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 024 / 2024

Nama Projek :
Membalik dan Menurap Semula Jalan-Jalan Aspal (Lebuhraya / Jalan Utama / Jalan Kampung / Jalan Simpang / Perumahan Negara / Pejabat Kerajaan / Komersial) – Paket 7: Daerah Belait

No. Projek :
DOR1216-010 / ADBT-01

Yuran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 10 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 24 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV & V sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 10 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 013 / 2024

Nama Projek:
Menaiktaraf Jalan Simpang (Batu ke Aspal) – Paket 3: Daerah Tutong

No. Projek :
2024 / 25 JKRTUT / RKN -01

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
S02 - (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 021 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal bagi Kerja Pembersihan Am di Bangunan Jabatan Kerja Raya dan Sub Ofis Daerah Belait untuk 36 Bulan

No. Projek :
2024ADKB / 2106 / 003-001-001

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 17 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
31 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 10 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 24 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 014 / 2024

Nama Projek:
Membalik dan Menurap Semua Jalan - Jalan Aspal (Lebuhraya / Jalan Utama / Jalan Kampung / Jalan Simpang / Perumahan Negara / Pejabat Kerajaan / Komersial) Negara Brunei Darussalam – Paket 8: Daerah Tutong

No. Projek :
2024 / 25 JKRTUT / RKN-02

Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pembekal-Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori :
KA01 & M03 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
17 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
24 Disember 2024.

Bil Tawaran:
JKR / DWS / 038 / 2024

Tajuk:
Kontrak Penggal bagi Kerja Pemeliharaan Sistem Chlorine Peralatan dan Personal Protective Equipment di Loji Rawatan Air Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong (2025-2028) (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND500.00
Tidak dikembalikan



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

ke alamat seperti berikut:-

Penghulu Mukim Tingkat III
- PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu,
4 Januari 2025.
Jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 Ext. 110 / 111.



Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Syarikat-syarikat Yang Berdaftar Dengan ROCBN, MOFE dalam Bidang-bidang IT

Kelas :
Open

Kategori :

Bilangan Tawaran:
PWD / DAF / HCS / 001 / 09.2024

Nama Projek:
To Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning & Maintaining of Cubicost Software System, Department of Technical Services, Public Works Department, Ministry of Development (Retender)

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Sabtu,
14 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
17 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
III & IV sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
27 November 2024.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
17 Disember 2024.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRC 34 / 2024

Nama Projek:
Menyediakan Infrastruktur Asas bagi Jalan Akses Tapak Akuakultur di Kampung Selangan (4Ha), Mukim Amo, Daerah Temburong

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(IV & V Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
17 Disember 2024.
(Selasa)

Tarikh Tutup :
24 Disember 2024.
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 038 / 2024

Nama Projek:
Kontrak Penggal bagi Kerja Pemeliharaan Sistem Chlorine Peralatan dan Personal Protective Equipment di Loji Rawatan Air Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong (2025-2028) (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Dibukakan kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV & V sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
20 November 2024.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
10 Disember 2024.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
17 Disember 2024.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRC 33 / 2024

Nama Projek:
Menyediakan Infrastruktur Asas untuk Kemudahan Nelayan Kecil-Kecilan di Tempat Penurunan Perahu Kg. Kuala Tutong, Daerah Tutong

Yuran Tawaran :
BND300.00
(Tidak dikembalikan)


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 99 / 2024 / 2025 (JPPE-DIS-2024)

Renovation Works To Block 'B' Flat Class E [PWD 156], Temburong, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :
III / IV / V sahaja

(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori :
B01, E01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
14 Disember 2024.
Sabtu, Jam 9.45 Pagi

Tarikh Tutup Dan Waktu :
17 Disember 2024 - Selasa.
[Tidak Lewat jam 2.00 Petang]



جائزہ کابی چواہا بروفی دارالسلام

BDMD

Brunei Darussalam Meteorological Department

JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-15

Tawaran Bagi
To Supply, Delivery and Install a New Multimedia Workstation To Public Relation, Engagement and Outreach Section, Brunei Darussalam Meteorological Department

Tarikh Tutup:
Rabu,
11 Disember 2024.



JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :

JPM / PT / 1.1.2 / 2024

Tawaran Membekalkan

100 Helai Bendera Kecil

Kenderaan Rasmi

Menteri-Menteri

Tarikh Tutup :

11 Disember 2024.

Jam 2.00

Petang.


JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Rujukan Tawaran:

JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2024 – 25

Perkhidmatan

Pembersihan Untuk:

I. Kawasan Pejabat

JKED Di Kargo,

Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei,

II. Bangunan Pejabat

Penguatkuasaan

Undang-Undang,

Sungai Lampai dan

Bangunan Pejabat JKED,

Muara Container Terminal

(MCT),

Cawangan Muara

Jabatan Kastam

dan Eksais Diraja,


JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 31

Tajuk Tawaran:
To Design, Supply and Deliver Souvenirs of Brunei Tourism Merchandise

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 32

Tajuk Tawaran:
To Print, Supply and Delivery of Brunei Tourism Brochures & Booklet

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
5 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



جوالن سالينان كمبوا ديكنتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Iasnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

SENTIASA AMBIL LANGKAH BERWASPADA KETIKA CUACA TIDAK MENENTU



NEGARA mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutama pada waktu malam hingga awal pagi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) menerusi kemas kini keadaan cuaca yang dikeluarkan baru-baru ini menyatakan bahan negara berada dalam Monsun Timur Laut (MTL), yang pada lazimnya akan berterusan sehingga sekitar hujung Mac tahun hadapan.

Semasa tempoh separuh pertama MTL, iaitu sehingga Januari 2025, yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Manakala, semasa tempoh separuh kedua MTL, iaitu Februari 2025 dan Mac 2025, keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Sehubungan dengan itu, BDMD menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Selain itu, kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin

kencang. Semasa keadaan laut bergelora, ia adalah berbahaya kepada semua bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Oleh itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Dalam pada itu, semasa musim tengkujuh yang disertakan dengan angin dan hujan juga berkemungkinan adanya jangkitan virus termasuk sakit tekak, demam, sejuk dan cirit-birit.

Beberapa perkara wajar diambil peduli antaranya untuk memastikan kita meminum air dari sumber yang bersih dan minum air yang sudah dimasak terlebih dahulu atau air bertapis (*filtered water*).

Kita juga seharusnya menggunakan tuala berasingan demi mengelakkan jangkitan bakteria dan tidak lupa untuk membawa sapu tangan dan digunakan untuk menutup mulut ketika batuk atau bersin.

Selain itu, elakkan daripada gigitan nyamuk dan disarankan juga untuk menggunakan penghalau nyamuk (*repellents*) terutama sekali pada waktu malam.

Makanan yang disediakan di rumah antara merupakan penjagaan makanan yang paling selamat kerana ia dapat menjamin kebersihan makanan yang kita makan sekali gus dapat mengelakkan daripada keracunan makanan.

Jika mengalami simptom atau gejala seperti kurang sihat, segeralah mendapatkan rawatan ke pusat-pusat kesihatan yang terdekat.

Bersama-sama kita peka dengan penjagaan kesihatan diri dan keluarga yang konsisten dan persekitaran yang bersih dan selamat.



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

NBD berada dalam MTL hingga penghujung Mac 2025

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam Monsun Timur Laut (MTL), yang pada lazimnya akan berterusan sehingga sekitar hujung Mac 2025.

Semasa tempoh separuh pertama MTL, iaitu sehingga Januari 2025, yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Manakala semasa tempoh separuh kedua MTL, iaitu Februari 2025 dan Mac 2025, keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Keadaan cuaca diramalkan aktif bermula hari ini sehingga Isnin, 9 Disember 2024 dengan hujan, sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjelaskan kawasan pedalaman pada waktu petang dan merebak ke kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam dan berpotensi berlanjut ke awal pagi keesokan hari.

Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa hujan lebat. Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, di antara 0.5 hingga 1.3 meter (m).

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang. Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Sehubungan dengan itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbang BDMD iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram (Brunei Weather).

RTB akan adakan Bengkel Majlis Juruacara

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Infografik : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Bengkel Majlis Juruacara (Master of Ceremony) akan diadakan selama empat hari bermula 16 hingga 19 Disember 2024. Bengkel berkenaan dianjurkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB).

Syarat-syarat penyertaan dibuka kepada orang ramai dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja, mempunyai minat untuk menjadi juruacara majlis dan mempunyai pengetahuan dalam bidang juruacara majlis.



BENGKEL
JURUACARA MAJLIS
MASTER OF CEREMONY

DAFTAR SEKARANG

PENYERTAAN ADALAH TERHAD

BORANG PENYERTAAN BOLEH DIDAPATI MELALUI:
PENYAMPUT TETAMU IBU PEJABAT RTB,
BANGUNAN SEKRETARIAT, BSB

WWW.RTB.GOV.BN

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN
11 DISEMBER 2024

IMBAS DI SINI 

NO. PERHUBUNGAN :
+673 2341308
latihan@rtb.gov.bn

16 - 19 DISEMBER 2024

Tenaga pengajar terdiri daripada Dayang Salmi binti Haji Ibrahim dan Awang Mohammad Naqiuddin bin Haji Ismail.

Borang Penyertaan hendaklah diisikan dengan lengkap dan peserta hendaklah berumur di antara 18 tahun hingga 60 tahun serta mempunyai minat untuk menjadi juruacara majlis.

Bengkel akan diadakan di Pusat Perkembangan Penyiaran RTB, Simpang 189, Jalan Madang / Jalan 17 Simpang 41, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam.

Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan kepada Penyambut Tetamu RTB, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada Rabu, 11 Disember 2024, Jam 3.00 petang.

Yuran penyertaan bagi orang awam adalah sebanyak BND15, sektor kerajaan atau swasta (BND50), pelajar institusi tinggi (BND20), dan warga RTB (BND25).

Pembayaran yuran boleh dibuat di Kaunter Bayaran yang dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang pada Isnin hingga Khamis, manakala jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi pada Sabtu.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah berhubung terus ke e-mel latihan@rtb.gov.bn atau melalui talian +673 2341308 atau Fax +673 2341308.

KETENGAHKAN AMALAN TERBAIK DALAM PENGURUSAN BATERI LITIUM



BATERI litium mempunyai ketumpatan tenaga yang tinggi dan sering digunakan dalam pelbagai gajet.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Bateri litium adalah bahan utama dalam proses penyimpanan dan pengeluaran tenaga. Biasanya, bateri ini ringan dan mempunyai ketumpatan tenaga yang tinggi dan sering digunakan dalam pelbagai gajet seperti telefon bimbit, komputer riba dan kendaraan elektrik.

Bateri litium dibahagikan kepada dua jenis iaitu bateri litium yang boleh dicas semula (*rechargeable*) dan yang tidak boleh dicas semula (*non-rechargeable*).

Walaupun begitu, kedua-dua jenis bateri ini digunakan untuk penyimpanan tenaga akan tetapi ia masing-masing mempunyai aplikasi dan kelebihan yang

berbeza.

Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah mengadakan satu kaji selidik dalam talian mengenai kesedaran awam tentang bateri litium. Kaji selidik ini bertujuan untuk menilai pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai penggunaan, pengendalian dan pelupusan bateri litium serta kesan-kesan terhadap alam sekitar.

Kaji selidik ini juga diharap dapat memberikan maklumat yang berguna untuk meningkatkan kesedaran awam di samping mempromosikan amalan yang lebih baik dalam pengurusan bateri litium.

Bukan itu sahaja, 80 peratus mengetahui akan bateri litium namun tidak semua mengetahui bagaimana ia dilupuskan. Untuk memastikan pelupusan dan pengitaran semula bateri litium dilakukan dengan cara yang betul, orang ramai boleh mengikuti langkah-langkah ini iaitu dengan pengumpulan data dan penggunaan bateri dimana ini adalah untuk mengenalpasti lokasi di mana bateri litium digunakan seperti dalam peranti elektronik,

alat perkakas dan kenderaan elektrik.

Seterusnya, tempat pengumpulan dan tempat kitar semula yang telah diiktiraf oleh JASTRe selain, di tempat penyimpanan yang selamat kerana kita hendaklah segera mengitar semula bateri dan seterusnya menyimpan bateri yang tidak digunakan ke dalam bekas yang selamat dan jauh dari kanak-kanak serta api.

Malahan, bateri litium tidak dibuang ke dalam tong sampah biasa kerana ia boleh mengakibatkan risiko pencemaran dan kebakaran. Selain dari itu, mengikuti arahan yang terdapat dalam pembungkusan bateri untuk memastikan pelupusan yang betul kerana beberapa bateri mungkin mempunyai prosedur yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, kita hendaklah mengetahui cara pengitaran semula dan pelupusan bateri litium dengan betul kerana ini adalah penting untuk mengurangkan impak alam sekitar dan mempromosikan amalan pengurusan sisa yang bertanggungjawab.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Selamatkan Usus Awda. Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Penyertaan Bengkel Asas Penerbitan Video Pendek dibukakan

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Radio Televisyen Brunei (RTB) akan mengadakan Bengkel Asas Penerbitan Video Pendek selama empat hari pada 16 hingga 19 Disember 2024 bertempat di Pusat Perkembangan Penyiaran, RTB, Simpang 189, Jalan Madang, Jalan 17, Simpang 41, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan dengan itu, penyertaan bagi mengikuti bengkel

berkenaan kini dibukakan kepada orang ramai sehingga Rabu, 11 Disember 2024.

Antara syarat-syarat menyertai bengkel berkenaan ialah penyertaan dibukakan untuk orang ramai dan penduduk tetap NBD sahaja, borang penyertaan hendaklah diisikan dengan lengkap, berumur di antara 18 tahun hingga 40 tahun dan berminat dalam bidang penerbitan video pendek sama ada sudah atau baharu bergiat dalam bidang penerbitan video.

Borang penyertaan boleh

diperolehi di Penyambut Tetamu, Ibu Pejabat RTB, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan atau melalui laman sesawang <http://www.rtb.gov.bn> ataupun mengimbas QR Kod yang disertakan.

Yuran pendaftaran bagi bengkel berkenaan adalah seperti berikut, iaitu orang awam sebanyak BND15, pelajar institusi tinggi (BND20), sektor kerajaan atau swasta (BND50), dan warga RTB (BND25).

Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut, bolehlah menghubungi di talian +673 2341308 atau melalui e-mel latihan@rtb.gov.bn.



BENGKEL ASAS PENERBITAN VIDEO PENDEK

16 - 19 DISEMBER 2024



BORANG PENYERTAAN BOLEH DIDAPATKAN MELALUI:

- PENYAMBUT TETAMU IBU PEJABAT RTB, BANGUNAN SEKRETARIAT, BSB
- LAMAN SESAWANG WWW.RTB.GOV.BN
- KOD QR BERIKUT:



TARIKH TUTUP PENYERTAAN:

**HARI RABU,
11 DISEMBER 2024**

1 PENYERTAAN ADALAH TERHAD!

YURAN PENDAFTARAN

ORANG AWAM	BND 15.00
PELAJAR INSTITUSI TINGGI	BND 20.00
SEKTOR KERAJAAN & SWASTA	BND 50.00
WARGA RTB	BND 25.00

BAGI SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGKU:

+673 2341308
latihan@rtb.gov.bn



KURANGKAN KEBERGANTUNGAN TEKNOLOGI, PEMAKAIAN SECARA SEIMBANG

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

KAMPUNG RIMBA, Isnin, 2 Disember. - Penggunaan alat teknologi perhubungan seperti laman sosial dan telefon pintar semakin meluas di negara ini. Namun, penggunaan yang tidak dikawal atau berlebihan memberikan kesan yang membimbangkan terutama dalam pembaziran masa.

Ibu bapa perlulah lebih tegas dalam mengawal penggunaan alat perhubungan anak-anak kerana perkara ini bukanlah sesuatu yang remeh dan ia boleh membawa kesan yang negatif bila disalahgunakan.

Perkembangan teknologi memberikan impak yang cukup positif bagi kehidupan manusia. Termasuk juga dalam dunia komunikasi, saat ini teknologi telah menjadi proses komunikasi menjadi sesuatu hal yang mudah dilakukan tanpa mengenal jarak batasan ataupun tempat.

Dalam dunia media masa, perkembangan teknologi juga mampu memberikan kemudahan bagi kita untuk memperoleh informasi secara cepat.

Dayang Nabilah Ulfa binti Haji Mujiburahman dari Kampung Rimba ketika ditemui menjelaskan

tidak dinafikan lagi, teknologi hari ini memainkan peranan sebagai pemangkin dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia juga dianggap sebagai *enabler* yang mampu mempercepat transformasi sosial dan ekonomi.

Beliau berpendapat teknologi ini sebenarnya ibarat pisau dua mata ia boleh menjadi alat yang memudahkan tetapi juga berpotensi membawa cabaran.

"Bagi masyarakat, teknologi secara amnya memberikan kesan positif melalui digitalisasi yang mempercepatkan perkhidmatan. Sebagai contoh, aplikasi seperti e-Dagang dan platform pembelajaran dalam talian bukan sahaja meningkatkan kecekapan tetapi juga menyediakan akses kepada peluang yang lebih luas tanpa batasan geografi.

"Tambahan pula, konsep Smart City yang diintegrasikan dengan teknologi Internet of Things (IoT) kini memperbaiki kualiti hidup masyarakat. Namun, perlu diingat bahawa penggunaan teknologi tanpa kawalan boleh menjadikan norma sosial dan meningkatkan ketidaksamaan digital di mana sesetengah kumpulan masyarakat tertinggal kerana kekurangan

akses," ujarnya.


Untuk institusi keluarga, jelasnya, teknologi memberikan peluang untuk memperkuuhubungan, terutamanya dalam konteks keluarga jarak jauh. Aplikasi seperti WhatsApp dan Zoom menjadi penghubung utama membolehkan komunikasi lebih kerap dan bermakna.

Menurutnya, kajian juga menunjukkan bahawa kebergantungan terhadap teknologi boleh mencetuskan isu seperti *technoference* iaitu gangguan dalam hubungan disebabkan penggunaan teknologi berlebihan. Misalnya, ahli keluarga yang asyik dengan peranti masing-masing boleh menyebabkan kurangnya interaksi

berkualiti.

Dalam kesimpulan ini, ujarnya, teknologi adalah alat yang bergantung kepada cara ia digunakan. Pendekatan bijak dan seimbang sangat diperlukan untuk memastikan ia menjadi pemudah cara, bukan punca kepada keruntuhan nilai masyarakat dan keluarga.

DAYANG Nabilah Ulfa binti Haji Mujiburahman dari Kampung Rimba ketika ditemui bual.



PENGUNAAN alat teknologi mampu memberikan kesan yang positif dalam kehidupan jika digunakan dengan bijak dan seimbang.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna




Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Ayam Masak Cendawan Kampung Jaya Setia

BAHAN-BAHANNYA :

Ayam 600g - 700g
80ml minyak
Separuh bawang besar
6 biji kulat kering (rendam dalam air panas)
Separuh kulat dalam tin
Separuh anak jagung dalam tin (jika mahu)
Lobak merah
50ml kicap manis
50ml sos tiram
Sedikit kicap pekat

350ml air
1 sudu makan tepung jagung
Ikut cita rasa :

3 sudu teh pati ayam
2 sudu teh lada sulah
2 sudu teh lada hitam

CARA MEMASAK :

Tuang minyak lalu tumis bawang besar, kulat kering dan kulat dalam tin sekali gus hingga layu. Masukkan kicap manis, kicap pekat, sos tiram dan air, dimasak

sekejap. Masukkan ayam dan lobak merah hingga ayam masak dan lobak merah lembut. Masukkan pati ayam, lada sulah dan lada hitam. Dalam mangkuk berlainan, campurkan tepung jagung dengan air sedikit dan masukkan dalam kuali tadi sehingga kuah sedikit pekat. Sesudah masak boleh masukkan anak jagung. Setelah sebatи bolehlah dihidang.



Sumber : UNAIDS/WHO estimates, 2024.

Berikan semangat, harapan untuk pesakit AIDS

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Infografik : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

Foto : Jabatan Penerangan

PERTUBUHAN Kesihatan Sedunia telah melancarkan Sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun 1988 dan setiap tahun ia disambut pada 1 Disember dengan memfokuskan kepada usaha-usaha ke arah menamatkan epidemik AIDS. Pada tahun ini, tema Hari AIDS Sedunia ialah 'Take The Rights Path : My Health, My Right!'.

Human Immunodeficiency Virus (HIV) adalah sejenis virus yang menjelaskan serta melemahkan sistem ketahanan badan (*immune system*) seseorang dan boleh mengakibatkan seseorang itu mudah mendapat jangkitan-jangkitan lain serta penyakit-penyakit lain seperti kanser. Peringkat terakhir jangkitan HIV berlaku apabila sistem ketahanan badan menjadi sangat teruk sehingga seseorang itu boleh mendapat beberapa jenis jangkitan dan menghidap beberapa masalah kesihatan yang boleh membahayakan nyawa. Peringkat inilah yang dikenali sebagai Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) dan ia boleh dielakkan jika jangkitan HIV dapat dikesan dan dirawat pada peringkat awal.

Sejak epidemik AIDS mula mendapat perhatian global pada tahun 1981, jangkitan HIV masih kekal mengancam kesihatan awam dan menjelaskan kehidupan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Walaupun tidak ada ubat untuk menghapuskan jangkitan HIV pada masa ini, namun dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti bantuan-bantuan pencegahan, ujian, pengesanan, rawatan dan penjagaan HIV yang berkesan, penghidap-penghidap HIV boleh menjalani kehidupan yang sihat seperti orang lain.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kes pertama yang dilaporkan adalah pada tahun 1986. Dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia pada 1 Disember 2024 mengongsikan kira-kira 39.9 juta orang hidup dengan HIV di seluruh dunia pada akhir 2023, dengan

sejumlah 1.3 juta adalah merupakan kes jangkitan baharu. Sebanyak 630,000 orang dianggarkan telah meninggal dunia akibat masalah-masalah kesihatan dan jangkitan-jangkitan berkaitan dengan HIV di seluruh dunia.

Di NBD, sejak kes pertama pada 1986 hingga Disember 2023, sebanyak 492 kes telah dilaporkan dengan 96 daripadanya telah meninggal dunia, manakala pada 2023, terdapat 57 kes jangkitan HIV baharu dalam kalangan rakyat dan penduduk tetap negara ini yang mana 96 peratus adalah daripada golongan lelaki dan kebanyakan yang terjangkit terdiri daripada golongan muda berusia antara 20 hingga 34 tahun.

Jika seseorang itu terdedah kepada risiko jangkitan, atau ingin tahu akan status HIV mereka, ujian untuk mengesan HIV boleh dibuat di klinik-klinik atau hospital yang berdekatan, ataupun menggunakan kit ujian segera bagi HIV, iaitu ujian HIV *rapid test* yang boleh didapati di beberapa klinik swasta di negara ini.

Rawatan penghidap HIV

Bagi mereka yang didapati terjangkit dengan HIV, pengambilan ubat *antiretroviral* (ARV) secara efektif dapat mengawal virus HIV dan membantu mencegah penularan bagi mereka yang dijangkiti HIV dan mereka yang berisiko tinggi. Dengan rawatan juga orang yang hidup dengan HIV boleh meneruskan hidup secara sihat, produktif dan mempunyai jangka hayat yang panjang sama seperti orang yang HIV negatif.

Kemurungan yang perlu dibantu

Bagi penghidap HIV pula, kemurungan mungkin disebabkan oleh tanggapan dan penerimaan masyarakat terhadap status mereka selain disebabkan oleh pemikiran yang terlalu berlebihan bagi penyakit yang sedang dihadapi dan keadaan mereka pada masa hadapan.

Perasaan mahu diterima masyarakat merupakan satu perkara yang penting dan

amat diharapkan oleh penghidap HIV sama ada daripada keluarga dan masyarakat. Bagi mereka walaupun telah disahkan menghidap AIDS tetapi penerimaan dan kasih sayang akan membuatkan mereka lebih yakin, bersemangat dan mempunyai kekuatan untuk meneruskan kehidupan. Malah penerimaan atau penolakan daripada keluarga serta masyarakat di sekeliling boleh mempengaruhi kualiti hidup bagi penghidap HIV. Justeru penerimaan masyarakat terhadap penghidap HIV perlu diperbaiki kerana penghidap AIDS akan berasa dipinggirkan dan tidak mempunyai tujuan untuk hidup.

Ini kerana sikap yang negatif dan stigma dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mereka tentang HIV dan AIDS. Sesetengah masyarakat menganggap penyakit ini boleh berjangkit tanpa mengetahui serta memahami terlebih dahulu. Justeru sikap seperti inilah yang boleh menyebabkan keadaan menjadi teruk bagi penghidap HIV, seolah-olah tiada harapan bagi mereka untuk menjalani kehidupan normal seperti orang lain.

Keberkesanan kaunseling dalam membantu pesakit HIV

Penghidap HIV perlu menghadiri sesi kaunseling yang dikendalikan oleh pegawai yang berkemahiran tentang penyakit HIV / AIDS dan psikologi pesakit HIV untuk menerima hakikat yang dihadapi oleh mereka. Dengan sesi kaunseling, diharap mereka mula memahami penyakit dan rawatan, aspek psikologi seperti kekuatan dan kelemahan diri serta menangkis stigma dan mengamalkan gaya hidup sihat. Secara tidak langsung ini akan dapat memotivasi mereka serta mula memikirkan jalan terbaik untuk menjalani kehidupan.

Walaupun penghidap HIV dapat menerima hakikat dirinya adalah positif HIV tetapi dia akan mengalami stres dan tekanan untuk mendedahkan penyakit yang dijangkiti pada pasangan hidupnya, ahli keluarganya dan juga sahabat handainya. Di sini, Pegawai Psikologi perlu memainkan peranan yang penting untuk membantu penghidap

HIV untuk membuat pendedahan status penyakit yang dihadapi pada ahli keluarga dan juga rakannya. Pendedahan status HIV adalah umumnya berkait dengan kebaikan kesihatan fizikal, psikologi dan tingkah laku.

Ketidakfahaman tentang HIV / AIDS juga merupakan salah satu faktor mengapa jangkitan HIV dan kematian disebabkan AIDS masih lagi berterusan. Oleh itu, selain daripada pendidikan seks, pendidikan agama juga perlu diterapkan malah diamalkan sebagai pegangan dan nilai yang boleh mencegah daripada terlibat dalam gejala tidak sihat.

Selain itu, kesedaran bagi setiap individu diperlukan bagi memastikan mereka memahami kesan yang akan dihadapi apabila telah dijangkiti virus atau penyakit ini. Salah satu bentuk kesedaran adalah melalui jati diri yang kuat serta berpegang kepada nilai dan pegangan agama. Jika kukuh pegangan agama seseorang itu, insyaaAllah dia akan terpelihara daripada perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kementerian Kesihatan sangat komited dan akan terus berusaha memastikan mereka yang berisiko tinggi dan yang terjejas oleh HIV akan mendapat perkhidmatan yang berkualiti dan saksama, tanpa stigma dan ketidaksamaan. Kerahsiaan (*confidentiality*) bagi mereka yang ingin tampil ke hadapan untuk membuat ujian HIV adalah asas utama dan penting dalam perkhidmatan perubatan di negara ini. Ia didukung oleh perundangan yang sedia ada iaitu Akta Penyakit-Penyakit Berjangkit Penggal 204 yang mempunyai peruntukan khusus bagi melindungi kerahsiaan bagi pesakit-pesakit yang dijangkiti HIV. Jadi mereka tidak perlutakut atau risau akan identiti mereka terbongkar apabila mereka hendak membuat ujian HIV.

Kesimpulan

Berikan sokongan kepada individu-individu yang hidup dengan HIV. Hapuskan stigma dan diskriminasi terhadap mereka yang dijangkiti. Mereka ini memerlukan sokongan serta suntikan semangat agar mereka tetap berusaha untuk meneruskan hidup dengan cara sihat.

BAGAIMANA HIV MEREBAK



Melalui hubungan seks



Melalui perkongsian jarum suntikan



Pemindahan darah/organ individu dijangkiti HIV kepada penerima darah/organ



Ibu dijangkiti HIV kepada anak semasa kandungan/kelahiran /penyusuan ibu

13 PEKERJA TEMPATAN BELUM DIDAFTARKAN, DICARUMKAN KE SPK

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan baru-baru ini membuat lawatan ke beberapa premis perniagaan di sekitar kawasan Kompleks Perniagaan Mukim Berakas, Bandar Seri Begawan.

Hasil daripada lawatan tersebut, pegawai-pejawat pemeriksa TAP telah memeriksa sebanyak 42 buah premis majikan yang berdaftar dan didapati seramai 13 orang pekerja tempatan masih belum didaftarkan dan dicarumkan ke dalam Skim Persaraan Kebangsaan (SPK).

Lawatan ini bertujuan untuk memastikan setiap majikan menjalankan tanggungjawab di dalam mendaftarkan dan membayar caruman SPK untuk

pekerja-pekerja mereka.

Setiap pekerja yang memenuhi persyaratan skim adalah dimestikan untuk mempunyai simpanan persaraan untuk dimanfaatkan di hari persaraan mereka nanti.

TAP juga ingin memaklumkan bahawa proses pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja kini diper mudahkan melalui perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah.

Para majikan boleh melog masuk ke akaun portal e-Amanah masing-masing melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.

Oleh itu, para majikan diingatkan untuk melaksanakan tanggungjawab mendaftarkan dan membayar caruman bagi pekerja-pekerja yang layak iaitu rakyat dan penduduk tetap

Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat.

Ini termasuklah pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari dan pekerja di dalam tempoh percubaan.

Di bawah Bab 35 (1), National Retirement Scheme Order, 2023, majikan yang gagal mematuhi peraturan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga BND3,000 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih dari BND10,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Bagi isu-isu yang berkaitan penguatkuasaan seperti pekerja yang tidak didaftar atau tiada pembayaran caruman, pekerja adalah dinasihatkan untuk membuat aduan dan mengongsikan maklumat melalui talian hotline Unit Penguatkuasaan TAP di talian



TABUNG Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan semasa membuat lawatan ke beberapa premis perniagaan di sekitar kawasan Kompleks Perniagaan Mukim Berakas, Bandar Seri Begawan.

+673 7302929 ataupun 2722929 semasa waktu bekerja. Bagi ahli yang berdaftar dengan perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah, aduan juga boleh dibuat dengan melog masuk ke akaun ahli melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.

2722929 semasa waktu bekerja. Bagi ahli yang berdaftar dengan perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah, aduan juga boleh dibuat dengan melog masuk ke akaun ahli melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.



سوروهنجاي قرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI I BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

100%

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Mernandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "w" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



Tip

Pendidikan





Semak 5 aktiviti cuti sekolah tanpa keluar negara

KEHADIRAN musim cuti persekolahan setentunya ramai membuatkan pelajar berasa sangat gembira. Para ibu bapa tidak perlu risau jika tidak membawa anak-anak keluar negara semasa cuti sekolah kerana ada banyak aktiviti yang boleh ibu bapa lakukan. Jom semak!

- Terokai alam semula jadi dengan membawa anak-anak untuk menjelajah taman atau hiking di hutan. Ajarkan mereka mengenai flora dan fauna tempatan sambil menikmati keindahan alam semula jadi.
- Berkebun. Ajar anak-anak untuk berkebun boleh menjadi aktiviti yang sangat berguna dan menyeronokkan. Beri mereka tanggungjawab untuk menjaga beberapa tumbuhan dan belajar tentang kitaran hidup tumbuhan.
- Lawatan sambil belajar. Ibu bapa boleh membawa anak-anak ke tempat-tempat menarik di negara kita sendiri seperti muzium-muzium, pantai-pantai atau tempat-tempat bersejarah.
- Berkelah ke pantai-pantai yang indah di negara ini antara aktiviti yang menarik. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan semasa berkelah di pantai antaranya bermain bola pantai, tarik kalat dan sebagainya. Ini boleh membuatkan kanak-kanak berasa gembira dan seronok.
- Lakukan pelbagai aktiviti di dalam rumah seperti memasak makanan kegemaran, membantu pekerjaan di rumah ataupun buat aktiviti kecergasan seperti berbasikal, bersukan, berekreasi, senamrobik, berjalan, berlari bersama-sama. Tinggalkanlah telefon buat sementara waktu dan luangkan masa bersama mengeratkan jalinan kekeluargaan selain interaksi ibu bapa dan anak-anak perlu dikerapkan.

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SEMPENA SAMBUTAN HK KE-41 KINI DIBUKAKAN

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai Pertandingan Mencipta Logo Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke- 41, Tahun 2025.

Antara syarat-syarat am penyertaan ialah pertandingan dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja.

Ciptaan logo hendaklah asli dan belum pernah dipertandingkan atau diterbitkan.

Peserta dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan borang dalam talian (satu borang bagi satu penyertaan). Huraian dan pengertian logo juga hendaklah disertakan.

Penyertaan hanya boleh dibuat melalui borang dan muat naik logo dalam talian Google Form (Sila lengkapkan Section 2, Section 3 dan Section 4).

Tarikh tutup penyertaan ialah 24 Disember 2024. Untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat khusus dan juga syarat-syarat teknikal, sila layari pautan : <https://tinyurl.com/p-logo-hk41>

Sebarang pertanyaan, sila hubungi: +673 8359939 (Zahidah) / +673 7169440 (Ridzuan) atau melalui e-mel: urusetiahk@kkbs.gov.bn.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun **PenggunaBijak**

The app interface includes sections for 'HARGA RUNCIT KOMODITI MAKANAN UTAMA TERPILIH KINI TERSEDIA', 'PENGAMANAN DAN PENGETAHUAN', and 'PERKHIDMATAN'. It also features a search bar and navigation icons.

ALAI PINTAR
SOALAN 4 DISEMBER 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Negara Brunei Darussalam terletak di kepulauan mana?
a) Kepulauan Borneo
b) Kepulauan Riau
c) Kepulauan Sulu
- $9,876 - 12 - 3,256 = \underline{\hspace{2cm}}?$
a) 6,000
b) 6,608
c) 7,000
- Apakah kata sinonim bagi badan?
a) Tubuh
b) Kaki
c) Mulut

TARIKH TUTUP : 14 DISEMBER 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI YANG MENERIMA HADIAH BAUCER...

PEMENANG ALAI PINTAR 137 :

Nama : Mohammad Qawi Zahirulhan Khairul Amilin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0140735-01. Sekolah : Sekolah Rendah Panchor Murai

Nama : Nurul Dania binti Abdullah

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 019683-13. Sekolah : Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait

Nama : Siti Nur Raudhatul Azra binti Md. Azrin

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0136447-01. Sekolah : Sekolah Riverside, Masin

Pastikan pola tidur teratur untuk elakkan *microsleep*



MICROsleep boleh membahayakan, terutamanya dalam situasi yang memerlukan perhatian dan konsentrasi.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. – *Microsleep* adalah satu fenomena di mana seseorang itu tertidur selama beberapa saat atau minit tanpa sedar dan ini boleh berlaku pada siang hari ketika seseorang itu sedang terjaga dan terlibat dalam aktiviti seperti memandu, bekerja atau belajar.

Episod *microsleep* ini boleh membahayakan, terutamanya dalam situasi yang memerlukan perhatian dan konsentrasi kerana ia boleh menyebabkan kemalangan atau kecederaan.

Antara punca utama terjadinya *microsleep* adalah tidak mendapat tidur yang cukup atau berkualiti sehingga menyebabkan mengantuk di siang hari yang berlebihan dan meningkatkan kemungkinan episod *microsleep*.

Selain itu, kecederaan mental atau fizikal serta tahap stress yang tinggi boleh mencetuskan *microsleep* atau terlibat dalam tugas yang berulang-ulang atau membosankan juga boleh membuat seseorang individu itu mengalami *microsleep* kerana otak mungkin menjadi kurang

terangsang.

Adapun cara untuk menguruskan *microsleep* adalah dengan memberi keutamaan kepada tidur dengan memastikan awda mendapat jumlah tidur yang mencukupi setiap malam iaitu antara 7 hingga 9 jam bagi golongan dewasa.

Di samping itu, ketika menjalankan tugas yang memerlukan perhatian berpanjangan seperti memandu dalam perjalanan jauh atau ketika belajar atau membuat sesuatu pekerjaan yang memerlukan penggunaan komputer berpanjangan adalah disarankan untuk mengambil rehat secara berkala untuk merehatkan fikiran dan menyegarkan minda.

Awda juga diingatkan untuk mengelak atau menghadkan pengambilan kafein dan stimulan lain berdekatan waktu tidur kerana ianya boleh mengganggu corak tidur, selain memperbaiki persekitaran tidur dengan mencipta persekitaran bilik tidur yang selesa dan kondusif (tidak terlalu terang atau gelap), suasana sunyi dan alami serta dalam keadaan suhu bilik yang selesa.

Walau bagaimanapun, jika awda masih konsisten mengalami gangguan tidur atau fenomena *microsleep* yang agak kerap dan teruk secara berterusan, awda disarankan untuk berjumpa dan berunding dengan pakar profesional kesihatan bagi penilaian dan rawatan lanjut.

Dengan memahami punca *microsleep* dan melaksanakan strategi untuk mengatasi masalah tersebut, individu tersebut dapat mengurangkan risiko mengalami episod tidur yang singkat yang tidak disengajakan, selain dapat meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan mereka dalam aktiviti harian.

Di samping itu, memberi keutamaan kepada tabiat tidur yang sihat dan mengambil langkah untuk menangani faktor-faktor penyumbang yang boleh membantu mengurangkan akibat *microsleep* dan mempromosikan pola tidur yang lebih baik dan teratur secara keseluruhan.

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 8945310** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

bor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 137

- C – Daerah Brunei dan Muara
- C – Ambuyat
- C – 6



ePaper Pelita Brunei



MEMPERKENALKAN BUDAYA, SUKAN MEMANAH



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy hadir selaku tetamu kehormat pada Festival Disember Brunei (Brunei December Festival) yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Ihsan Pg. Haji Radno Pg. Haji Mohammad Tahir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. - Bersempena dengan Festival Disember Brunei (Brunei December Festival), Kedutaan Republik Türkiye di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Pusat Akademi Sukan Memanah Ar Rafi (PASMA) telah mengadakan Exploration of Archery berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan

seterusnya merasmikan acara tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dan Jawatankuasa Tertinggi PASMA, Dayang Hajah Lailatul Zuraidah binti Haji Mohd. Hussain.

Acara Exploration of Archery ini menyaksikan pelbagai pameran aktiviti sukan, hiburan, buku sejarah,

pendidikan, kaligrafi dan keindahan budaya Türkiye. Selain itu juga, tayangan slaid sejarah mengenai memanah dan pelbagai permainan juga diadakan.

Juga diadakan buat julung kalinya ialah menonton Turkish Box Office Movie yang ditayangkan di skrin besar di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Connects, Taman Mahkota Jubli Emas anjuran BIBD dan Yunus Emre Institute.

Orang ramai juga boleh mendaftar Kelas Memanah PASMA dan juga Kelas Bahasa Türkiye. Turut dipamerkan hasil

pembuatan kerja tangan penuntut berupa seni lukisan dan biskut kini menjadi tarikan pelancong termasuk kedua-dua kedutaan yang menetap.

Adapun tujuan acara ini diadakan adalah untuk memperkenalkan memanah kepada khalayak yang lebih luas dengan mendidik peserta tentang kepentingan budaya di Türkiye sambil memupuk persekitaran interaktif yang menarik untuk keluarga dan individu serta mempromosikan pertukaran budaya.

Almerez HiTUNE FC rampas puncak liga

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Elite Futsal League

BERAKAS, Isnin, 2 Disember. – Pasukan Almerez HiTUNE FC berjaya merampas puncak liga dalam saingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) selepas berjaya menewaskan pasukan DDT FC dengan keputusan 9 - 5 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Kemenangan penuh dramatik itu menyaksikan anak buah Haji Mohd. Azim bin Haji Zakaria selaku Ketua Jurulatih Almerez HiTUNE FC yang ketinggalan 0 - 2, berjaya bangkit menggunakan ruang terbuka untuk membolosi gawang pasukan DDT FC.

Pemain import dari Iran, Abolfazl Minouei Hussein mencatat malam gemilang apabila menjadi peledak jaringan sebanyak enam gol sementara Iqbal Pasaribu, Ak. Md. Wazien dan Harith Hidawi masing-masing menyumbat satu jaringan.

Pasukan DDT yang berusaha keras mencari kemenangan sulung

berjaya menghidupkan rentak menarik apabila Ak. Mohd. Azreen Eskandar berjaya mengejutkan pasukan Almerez HiTUNE FC dengan jaringan seawal minit pertama.

Kemudian, pemain pantas pasukan dari Daerah Temburong itu kembali mengegarkan gawang Almerez HiTUNE FC pada minit ke-9 untuk kedudukan 2 - 0.

Pertemuan terus menarik apabila Abolfazl Minouei Hussein berjaya merapatkan kedudukan pada minit ke-15 tetapi Ak. Mohd. Azreen Eskandar bijak melakukan sentuhan kejayaan ini," jelas Ketua Jurulatih Almerez HiTUNE FC.

Drama berbalas jaringan terus menggamatkan perlawanan menerusi jaringan Muhd. Nur Syazwan dan Roland John Gary pada minit ke-14 dan 15 menyaksikan sentuhan terbaik DDT FC.

Namun aksi garang DDT FC mula kendur pada babak kedua apabila serangan-serangan mereka

selalu tersekat di bahagian pertahanan sebaliknya pasukan Almerez HiTUNE FC pula menukar rentak permainan yang berjaya menambah jaringan sebanyak empat gol untuk melengkapkan kemenangan terbesar 9 - 5 pada persaingan BEFL sejak membuka tirai kejohanan.

"Saya gembira atas keupayaan pemain-pemain yang melakukan comeback selepas ditinggalkan dua jaringan. Pemain bijak menutup kesilapan itu dan berjaya merubah permainan dengan melakukan serangan yang sangat berkesan sehingga menyumbang kejayaan ini," jelas Ketua Jurulatih Almerez HiTUNE FC.

Beliau juga memuji pasukan DDT FC yang berjaya memberikan saingan yang sengit sekali gus membuktikan pasukan itu sudah mula bangkit dalam kejohanan BEFL musim ini.

Kejayaan itu menyaksikan pasukan Almerez HiTUNE FC mencatat rekod bersih tanpa kalah sebanyak empat perlawanan untuk

berada di puncak liga sekalipun berkongsi mata dengan pasukan Kasuka Ar Rawda yang berjaya menewaskan pasukan MS ABDB dengan jaringan 5 - 2.

Sementara itu, pasukan Kampung Buangkok FC pula menduduki tempat ketiga selepas memenangi dua perlawanan pada minggu ini.



AKSI para pemain pada Brunei Elite Futsal League (BEFL) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN IKHLAS, AMANAH